

Jilid III
Bil. 27



Hari Khamis
19hb Disember, 1985

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5013]

RANGUNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) [Ruangan 5055]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BEN STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATUK HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- „ DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN. D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).

- Yang Berhormat TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T.
(Dilantik).
- „ TUAN JAAPAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S.
(Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- „ DATO K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P.
(Dilantik).
- „ TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- „ CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAPAR, P.G.D.K., A.D.K.,
B.K.(Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- „ DATO M. G. PANDITHAN (Selangor).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S.,
B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *atias* MAIMUN BIN ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD
(Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).
- „ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG YAU KET (Sabah).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penoiong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy,

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam,

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Khamis, 19hb Disember, 1985

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**ETIKA PEMANDU-
MENINGGIKAN**

1. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa etika dan sikap kebanyakan pemandu kereta, teksi, lori dan bas adalah sungguh mendukacitakan sehingga tanda isyarat tidak dipatuhi seperti memotong kereta dengan laju di selekoh yang mempunyai dua garisan dan sebagainya dan jika sedar apakah tindakan akan diambil untuk memperbaiki dan meninggikan etika pemandu-pemandu di negara kita.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan memang menyedari bahawa ada pemandu-pemandu kenderaan motor yang tidak mempunyai etika dan sikap yang amat mendukacitakan terhadap tanggungjawab mereka sebagai pengguna-pengguna jalan raya, sehingga melanggar peraturan-peraturan lalulintas dengan sewenang-wenangnya.

Untuk memperbaiki dan meninggikan etika pemandu-pemandu di negara kita, Kementerian

Pengangkutan bersama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain sedang mengambil beberapa tindakan bagi mendisiplinkan pemandu-pemandu, seperti mengadakan dailog dan majlis ceramah dengan para pemandu, menjalankan kursus-kursus latihan bagi pengajar-pengajar pemandu menjalankan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang bertujuan meningkatkan taraf keselamatan jalan raya, mempergiatkan pelaksanaan Sistem Keselamatan Jalan Raya (KEJARA) dan mewajibkan pemasangan alat amaran had laju dalam kenderaan barang-barang, bas persiaran dan bas ekspres dengan berat muatan maksima yang dibenarkan 4,500 kilogram atau lebih.

Di samping itu, Ahli Yang Berhormat, semua Wakil-wakil Rakyat dan semua Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A boleh juga membantu pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Di Raja Malaysia dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan mereka dengan melaporkan kepada Jabatan-jabatan tersebut pemandu-pemandu kenderaan yang melakukan kesalahan-kesalahan lalulintas jalan supaya tindakan-tindakan sewajarnya dapat diambil.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah langkah-langkah membatalkan lesen pemandu jika didapati seorang pemandu membuat kesalahan peraturan lalulintas ini, iaitu sebanyak 3 kali. Adakah dengan hanya kesalahan-kesalahan pemandu

biasanya didenda yang merupakan wang, adakah ini dianggap mencukupi oleh Kementerian. Adakah langkah-langkah diambil untuk membatalkan lesen pemandu-pemandu ini kepada had yang tertentu, misalnya kesalahan yang pertama dibatalkan selama 6 bulan, kesalahan yang ketiga jadikan sehingga setahun. Jadi, mungkin dengan perkara ini pemandu-pemandu ini akan merasakan mereka itu kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan, tetapi dengan cara memberikan kempen dan kursus-kursus, taklimat-taklimat ini, bagi pendapat saya, jarang-jarang pemandu-pemandu akan mengindahkan apa juga bentuk-bentuk kempen. Jadi saya ingin tahu adakah langkah mengetatkan kuatkuasa membatalkan lesen-lesen pemandu ini patut dikenakan oleh pihak Kerajaan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

Tuan Yang di-Pertua, membatalkan lesen pemandu ini bukanlah tanggungjawab Jabatan Pengangkutan Jalan. Yang boleh membatalkan lesen pemandu ini ialah bersabit dengan kesalahannya oleh pihak Polis dan ini pun bersabit dengan kesalahan tertentu, seperti kalau dia melakukan kemalangan jalan raya boleh mengakibatkan mati dan tidak membawa lesen memandu ketika itu dan kesalahannya itu kalau mengikut sistem KEJARA ini lebih daripada 20 mata kesalahan yang boleh kita buktikan bahawa kesalahannya itu ada bersabit dengan kesalahan yang dimaksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kekesanan taklimat-taklimat yang telah kita buat selama hari ini, nampaknya di akhir-akhir ini boleh dijadikan satu usaha yang boleh memberikan kekesanan, tetapi bagi pihak Jabatan perlulah mengadakan dengan secara menyeluruh. Untuk itu, sukalah saya tegaskan bahawa Kementerian ini pertama sekali sedang

meminda Akta-akta ini supaya membolehkan pihak penguatkuasaan, iaitu pegawai-pegawai di Jabatan Pengangkutan ini mempunyai kuasa yang lebih daripada sekarang ini. Misalnya, kalau sekarang ini didapati seseorang itu salah bersabit dengan kesalahannya yang ringan, pihak kita tidak boleh mengambil tindakan, misalnya hendak menggantung lesen dan sebagainya. Tetapi, jika pindaan kepada Akta Undang-undang Lalulintas ini dipinda di sesi Parlimen, insya Allah, yang akan datang ini, kuasa-kuasa itu akan diberikan lebih lagi.

Di samping itu, Jabatan Pengangkutan Jalan sedang merancang untuk memberikan lagi kursus-kursus kepada pemandu-pemandu yang ada sekarang ini dan ini nampaknya kalau Yang Berhormat kata tadi taklimat ataupun ceramah ataupun dialog ini tidak begitu berkesan, setakat kajian Jabatan ini ada mempunyai sebanyak sedikit kekesanannya; hanya sekarang kita pertingkatkan daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Ahmad bin Othman: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, setakat manakah pemasangan alat laju yang dilaksanakan oleh kereta-kereta besar dan jumlah yang telah dipasang buat setakat ini?

Yang keduanya, adakah cadangan Kementerian untuk memasang alat-alat laju di motokar-motokar kecil yang mana kita tahu pada masa sekarang ini kemalangan yang berlaku bukan sahaja kepada motokar-motokar besar, motokar kecil juga lari lebih daripada apa yang dihadkan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman:

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua iaitu adakah cadangan Kerajaan untuk mengadakan satu sistem supaya kereta-kereta kecil ini

dipasangkan dengan alat pengesan ini; sebenarnya buat masa ini tak ada cadangan Kerajaan.

Soalan yang pertama tadi, setakat manakah kenderaan berat sudah pun memasangkan alat-alat ini. Setakat hari ini yang saya dapat pastikan daripada 60,000 kenderaan berat seluruh negara ini hanya 32,000 sahaja yang baru memasang.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengar orang kata, Kementerian ini ada kuasa besar; boleh bagi lesen bunuh orang. Saya tahu cerita itu tak betul. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah cadangan saya ini dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

Di dalam masalah Akta yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejap tadi, bagaimana kalau lesen-lesen pemandu ini diwarnakan bagi ditanda seperti kad pengenalan rakyat di negara ini. Orang biasa diberi kad pengenalan biru, orang yang kena PCC ataupun RR, dengan izin, diberi kad pengenalan merah. Bagaimana Yang Berhormat Menteri, bolehkah mengadakan pindaan Akta supaya lesen-lesen ini ditandakan. Yang kena accident sekali, sabit dengan salahnya, bagi kad warna ini. Yang kena dua kali accident, warna ini dan lesen-lesen ini hendaklah dipaparkan di kenderaan, terutama kenderaan-kenderaan awam.

Seperti di setengah-setengah negara lain pemandu teksi, kita naik teksinya ada lesennya di situ. Kita boleh tengok pemandu ini sudah tiga kali accident. Kita tahu. Jadi, kalau boleh kita pun tanda begitu juga, dalam teksi itu ada lesen supaya kita kenal, pemandu ini sudah tiga kali accident, yang ini sudah dua kali accident, supaya menjadi satu

ingatan yang akan membawa berhati-hati kepada mereka. Itulah soalnya. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerima pandangan ini untuk mengadakan Akta pindaan bagi memberi lebih manfaat kepada keselamatan di jaja raya?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya seronok mendengarkan Yang Berhormat itu mengatakan bahawa kita kata banyak orang kata, termasuklah dia pun sama. . . . (*Ketawa*)

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Saya tahu benda ini tak benar. (*Ketawa*)

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian ini bukan satu Kementerian yang beri lesen; kuasa dia ialah penguatkuasaan setelah diberi lesen oleh orang. Kita menjalankan penguatkuasaan.

Cadangan Yang Berhormat supaya diwarnakan lesen-lesen itu, insya-Allah akan dipertimbangkan.

Tuan Ahmad bin Othman: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan 60,000 kenderaan yang ada dan 32,000 telah pun dipasang; 28,000 belum lagi. Had 28,000 ini mana pergi? Adakah 28,000 ini disimpan oleh pihak Kementerian Pengangkutan untuk tunggu masa beberapa lama lagi. Kalaulah 28,000 ini diambil tindakan oleh pihak Kementerian Pengangkutan, saya ingat perkara ini tak akan berlaku sehingga sampai 28,000 tinggal begitu sahaja. Ini saya hendak tanya. Ke mana pergi had 28,000 ini. Adakah kita biarkan begitu ataupun saja kita buat undang-undang sahaja, kalau depa tak buat pun tak apa. Begitu?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tak biar begitu, Yang Berhormat, kita akan ambil tindakan. Yang sudah

memasang alat amaran had laju ini termasuklah kenderaan-kenderaan berat yang baru sehingga setakat ini 32,000, tetapi yang lain itu kita ada tarikh tamatnya iaitu pada 31-12-1985 ini. Jika tidak dipasang alat-alat ini menjelang 1-1-1986 kita akan mengambil tindakan yang setimpal. Kita tidak akan membiarkan begitu sahaja kerana masyarakat kita ini nampaknya dari segi undang-undang amat begitu tidak mengambil berat. Oleh itu, kita akan keluarkan satu undang-undang, sudah pun kita beri tahu tetapi masih lagi tak mahu mengambil tindakan, maka adalah tindakan-tindakan yang akan diambil.

LAWATAN PRESIDEN BANGLADESH KE MALAYSIA

2. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan dan persetujuan yang telah dicapai berikutan dengan lawatan Presiden Bangladesh ke Malaysia baru-baru ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Ketua Negara Bangladesh, Presiden Hussain Mohd. Ershad telah melakukan lawatan negara Bangladesh ke Malaysia dari 4hb ke 8hb November, 1985 yang lalu di atas undangan rasmi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tujuan lawatan Tuan Yang Terutama Presiden H.M. Ershad adalah untuk merapatkan lagi hubungan dua hala di antara kedua buah negara yang telah terjalin serta membincangkan bidang-bidang kerjasama dua hala di dalam bidang ekonomi, teknikal, kebudayaan dan perdagangan. Lawatan tersebut juga memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin kedua-dua buah negara bertukar-tukar pendapat mengenai isu serantau dan antarabangsa di samping merapatkan lagi hubungan setiakawan

di kalangan negara-negara Islam terutama negara-negara yang menjadi ahli Pertubuhan OIC.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan Tuan Yang Terutama Tuan H.M. Ershad disifatkan sebagai anjat berjaya di dalam konteks memenuhi tujuan-tujuan lawatan beliau ke Malaysia. Persetujuan di dalam bidang kerjasama ekonomi dan perdagangan adalah meliputi kepada perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Malaysia menurunkan kadar tarif ke atas barang-barang dibuat dari jute yang diimport dari Bangladesh.
- (2) Bangladesh pula sedang mengkaji untuk membeli minyak kelapa sawit secara terus dari Malaysia.
- (3) Mengadakan perkhidmatan perkapalan secara terus dan tetap di antara kedua-dua buah negara.
- (4) Menubuhkan usahasama institusi kewangan.
- (5) Usahasama di bidang pertanian dan juga perindustrian diadakan.
- (6) Proses pengambilan buruh dari Bangladesh hendaklah mengambil kira kepentingan kedua-dua belah pihak.

Kedua-dua buah negara telah juga mencapai satu persetujuan supaya Perbadanan Pelaburan dan Perdagangan Malaysia (MICO) dan Perbadanan Perdagangan Bangladesh mengadakan satu perjanjian bagi menggalakkan perdagangan timbal balas (counter trade).

Persetujuan juga dicapai agar Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia dan Persekutuan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Bangladesh menubuhkan Dewan Perniagaan Bersama supaya dapat menemukan masyarakat usahawan kedua-dua buah negara dengan lebih

rapat lagi untuk faedah dan kepentingan perdagangan antara kedua-dua buah negara.

Di dalam kerjasama kebudayaan dan sosial pula, kedua-dua buah negara telah menandatangani protocol, program pertukaran kebudayaan pada tahun kalendar 1986 dan 1987 serta menyatakan perhatian yang berat terhadap masalah penyalahgunaan dan pengedaran dadah dan telah menyatakan pendirian tegas bahawa masalah ini hanya boleh diatasi secara berkesan melalui tindakan-tindakan dan kerjasama antarabangsa.

Di dalam menyentuh isu-isu serantau dan antarabangsa pula kedua-dua pemimpin telah mencapai persefahaman seperti berikut:

- (1) Kedua-dua orang pemimpin telah menyeru pengunduran semua tentera-tentera asing dari bumi Kampuchea, Afghanistan dan pengunduran Israel dari tanah Arab yang diduduki dan menyatakan sokongan tegas terhadap penyelesaian yang menyeluruh terhadap masalah tersebut berasaskan kepada amalan supaya rakyat negara-negara tersebut menentukan nasib mereka sendiri.
- (2) Menyeru Iran-Iraq segera memberhentikan pertelingkahan di antara mereka dan memulihkan keamanan di rantau tersebut.
- (3) Menegaskan sokongan kuat Kerajaan masing-masing terhadap perjuangan rakyat bukan kulit putih Afrika Selatan, hak berpolitik yang sama dan menyeru Rejim Pretoria memansuhkan dasar Apartheid.
- (4) Menegaskan pendirian masing-masing bahawa benua Antartika adalah satu warisan manusia

sejagat yang harus digunakan bagi tujuan keamanan dan faedah bersama.

JALAN UTAMA SARAWAK— PEMBINAAN

3. Tuan Tiong Hiew Kong minta Menteri Kerjaraya menyatakan jumlah peruntukan wang yang akan diberi setiap tahun, mulai dari tahun depan, untuk pembinaan jalan utama Sarawak yang merentangi dari barat ke timur, dan bila kiranya membubuh tar pada permukaan sepanjang jalan utama itu akan disempurnakan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi saya menyatakan jumlah peruntukan tiap-tiap tahun yang akan diberi untuk membina jalan raya utama Sarawak dari Sematan ke Miri dan terus ke Sindumin itu. Projek ini ialah projek yang telah diluluskan dan dicadangkan diteruskan perlaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kelima yang mana akan dibentangkan dan dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini pada awal tahun hadapan.

Walau bagaimanapun, bagi tahun 1986, peruntukan sebanyak \$87.5 juta dari jumlah \$149.6 juta untuk jalan-jalan di Sarawak telah diperuntukan untuk bahagian-bahagian jalan raya utama yang belum dibina dan dinaikkan tarafnya. Daripada \$87.5 juta itu \$65 juta adalah untuk membina jalan dan mengetar jalan raya utama dari Sematan ke Miri dan \$22.5 juta untuk tujuan lebuh raya Pan-Borneo akan bermula dari Miri ke Sindumin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak pembinaan dan mengetar jalan raya utama ini dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu mulai daripada tahun 1976 ke 1980 hingga sekarang lebih kurang 423 km telah pun dibina dan dinaikkan tarafnya. Projek ini akan dicadangkan untuk

diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima dan kemungkinan juga di rancangan-rancangan yang kemudiannya tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan dan peruntukan yang akan diberikan kepada projek ini di tiap-tiap rancangan itu.

LESEN MEMBURU HIDUPAN LIAR

4. **Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah cadangan supaya pemburu-pemburu mendapat kemudahan untuk membayar lesen memburu di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, setiap pejabat daerah-daerah di negara ini oleh kerana cara sekarang amat sukar di mana Kerajaan menetapkan tempat pembayarannya hanya di Ibu Pejabat Negeri sahaja.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini pengeluaran lesen-lesen untuk memburu hanya dilakukan di Pejabat Negeri Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara sahaja. Pihak Jabatan Perhilitan tidak bercadang untuk mengeluarkan lesen-lesen pemburuan di daerah-daerah oleh kerana pemburu-pemburu mempunyai dua pilihan untuk membayar lesen tersebut. Pilihan yang pertama ialah dengan datang sendiri ke pejabat-pejabat negeri yang berkenaan, pilihan yang kedua ialah melalui pos yang mana pemohon-pemohon boleh mengirim wang kiriman pos untuk tujuan tersebut.

Cara yang kedua ini memberi kemudahan kepada pemohon-pemohon yang tinggal berjauhan dari Pejabat Negeri.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada

Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, bila seseorang pemburu ini telah dikeluarkan lesen untuk memburu, adakah mereka ini dibolehkan memburu hidupan liar ini yang di bawah perlindungan Kerajaan. Dan juga suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah jenis-jenis hidupan Har yang ada di hutan belantara negara kita ini yang masih dalam perlindungan Kerajaan.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, lesen-lesen ini terhad kepada spesis yang ditunjukkan di dalam lesen itu. Mengenai spesis yang di dalam perlindungan ini sangat panjang. Saya ada senarai di sini; jika Yang Berhormat berminat, bolehlah saya tunjukkan.

Tuan Loo Swee Mok: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bolehkan lesen memburu rusa dikeluarkan awal sebelum tarikh yang dikuatkuasakan seperti tarikh lesen memburu rusa dimulakan pada 1hb Oktober supaya pemburu-pemburu yang datang dari kampung-kampung yang jauh tidak payah berkumpul di Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara untuk berebut-rebut mendapatkan lesen rusa pada 10hb Oktober.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan saya, memburu rusa ini memang dari 1hb Oktober hingga November, dua bulan sahaja.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang saya faham tanggungjawab Kementerian Yang Berhormat Menteri ialah menjaga alam sekitar termasuklah binatang liar di hutan kita. Jadi saya ingin bertanya adakah lebih wajar jika sekiranya kita membatalkan sahaja lesen-lesen memburu binatang liar ini. Alangkah

lebih baik untuk generasi yang akan datang supaya binatang liar ini lebih membiak lagi di hutan belantara kita.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:

Tuan Yang di-Pertua, spesis yang dilindungi tidak boleh diburu, hanya lesen-lesen yang dikeluarkan itu membenarkan pemburu menembak hidupan liar yang disiarkan di senarai yang saya sebutkan tadi.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya sedikit jika seseorang pemburu itu dibenarkan menembak atau di dalam lesennya telah disenaraikan species untuk menembak rusa dalam bulan Januari hingga bulan Februari. Tetapi pada masa dia pergi hutan dia tidak dapat jumpa rusa, jadi untuk balik ke rumah tangan kosong mahu tidak mahu tembak sahaja apa yang ada. Adakah ini dibenarkan (*Ketawa*).

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:

Tuan Yang di-Pertua, ini satu kes yang melanggar syarat-syarat yang telah ada. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1984 bilangan kes teknikal yang didapati ialah 1,028 kes dan tahun ini 1,552 kes. Itu kes teknikal yang ada kesalahan. Bilangan kes serious tetapi bukan teknikal itu, tahun 1984 ada 1,075 dan tahun ini bertambah hingga 2,222 dan kes yang dibawa ke mahkamah:

<i>Tahun</i>	<i>Kes</i>
1984	242
1985	245

**MOTORSIKAL HARAM-
PERLUMBAAN**

5. Dato Kamaruzaman bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar terdapatnya segelintir anak-anak muda di bandar-bandar besar hari ini terlibat dalam perlumbaan motor haram yang diadakan di waktu malam. Ini akan mengganggu ketenteraman awam

seperti bising dan kemalangan jalan raya dan sebagainya. Setakat ini, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak yang berkenaan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad):

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Dalam Negeri memang sedar tentang kejadian-kejadian perlumbaan motorsikal haram ini. Untuk membenteraskan perlumbaan haram ini, pihak Polis telah meningkatkan operasi-operasi ke atas kegiatan itu, teititamanya di bandar-bandar besar seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan di bandar-bandar lain di mana perlumbaan ini selalu dijalankan.

Hasil dari tindakan Polis bilangan mereka yang ditangkap dan dituduh di mahkamah makin bertambah. Bagi tahun 1985 ini sehingga bulan November seramai 2,048 orang ditangkap, berbanding dengan 1,588 orang bagi sepanjang tahun 1984. Manakala mereka yang disaman atau dituduh di Mahkamah bagi tahun 1985 sehingga bulan November ialah seramai 1,849 orang berbanding dengan 1,338 orang sepanjang tahun 1984.

Kerajaan juga sedang menimbang untuk memperketatkan undang-undang supaya tindakan yang lebih berkesan dapat dikenakan ke atas orang-orang yang terlibat dalam kegiatan lumba motorsikal haram ini.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka bertanya sedikit sahaja, adakah perlumbaan motorsikal haram ini dianjurkan oleh sindiket dengan tujuan perjudian. Misalnya, di waktu hari minggu lumba kuda tidak ada, jadi mereka menggunakan motorsikal itu seperti lumba kuda. Adakah mereka ini bertujuan atas alasan perjudian?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod yang terdapat kebanyakan mereka yang menyertai perlumbaan-perlumbaan ini adalah dari golongan-golongan anak-anak muda yang hendak menunjuk kebolehan dan kehandalan menunggang motorsikal. Ada juga mereka yang bertujuan untuk menguji kehandalan beberapa jenis motorsikal yang dimiliki oleh mereka.

Berkenaan dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat tadi, adakah kemungkinannya juga perjudian menjadi motif di sebalik penganjuran perlumbaan haram ini, buat masa sekarang tidak ada maklumat yang dapat dikumpul oleh pihak Polis.

NEGARA-NEGARA KECIL- HAK BERSUARA

6. **Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah reaksi atas seruan Y.A.B. Perdana Menteri kepada negara-negara kuasa besar supaya diberi hak bersuara kepada negara-negara kecil.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerap kali teguran dan seruan telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita mengenai perkara yang dibangkitkan, reaksi negara-negara besar dalam mengambil tindakan-tindakan tertentu supaya kepentingan-kepentingan negara kecil tidak dibelakangkan adalah pada keseluruhannya tidak seperti yang diharap-harapkan.

Sikap kurang positif ini sememangnya dijangka oleh kalangan-kalangan negara-negara kecil. Tindakan negatif kuasa-kuasa besar ini adalah berdasarkan kepada satu faktor asas iaitu bagi menjamin dan mempertahankan lagi kepentingan-kepentingan nasional mereka, baik

dalam bidang politik ataupun ekonomi. Namun demikian, untuk menentukan supaya hak-hak dan kepentingan-kepentingan negara-negara kecil seperti negara kita ini dapat diberikan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya, usaha-usaha yang dianggap penting untuk maksud ini adalah dengan memperjuangkan kepentingan-kepentingan tersebut melalui pertubuhan-pertubuhan sama ada serantau seperti ASEAN ataupun pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Komanwel, Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam, Pertubuhan Afrika Bersatu dan lain-lain lagi.

FILEM MALAYSIA DITAYANG- KAN DI INDONESIA

7. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyakkah filem-filem kita di Malaysia serta tajuknya yang telah ditayangkan di pawagam-pawagam negara jiran kita di Indonesia setakat ini, bagaimana tentang sambutan selera penonton-penonton di sana terhadap keluaran filem negara kita, juga sejauh mana kemajuannya yang dicapai ura-ura secara usaha sama pengeluaran filem kedua-dua buah negara.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 6 buah filem Malaysia telah dibawa masuk ke Indonesia untuk ditayangkan di negara itu. Tetapi setakat ini hanya sebuah sahaja berjaya ditayangkan secara komersial.

Filem tersebut berjudul "Sumpah Semerah Padi". Filem ini telah dieksport dalam tahun 1983 oleh sebuah syarikat tempatan, diedarkan di Indonesia oleh sebuah syarikat di negara tersebut.

Sambutan yang diberikan oleh penonton- penonton di sana terhadap filem tersebut adalah kurang menggalakkan. Sebabnya ialah kekurangan atau kelemahan promosi di Indonesia dan corak filem yang tidak mengikut, dengan izin, trend semasa.

3 buah filem lagi telah pun diluluskan oleh pihak penapis filem di Indonesia dan 2 daripadanya, iaitu filem "Dia Ibuku" dan "Esok Masih Ada" sedang menunggu giliran untuk tayangan di pawagam-pawagam di beberapa buah bandar di Indonesia, bermula dari akhir bulan Disember ini.

Tuan Yang di-Pertua, di segi usahasama filem, satu perjanjian telah pun ditandatangani oleh sebuah syarikat tempatan dengan sebuah syarikat Indonesia pada 2hb November, 1985 untuk menerbitkan sebuah filem cereka dengan ekuiti 50% : 50%. Penggambaran filem telah pun bermula di Indonesia di mana 4 orang artis dan seorang karyawan Malaysia telah terlibat secara langsung. Filem tersebut dijangka siap pada pertengahan Februari 1986 dan selanjutnya akan diedarkan dan ditayangkan di Indonesia dan Malaysia.

Dengan termeterainya perjanjian pertukaran tayangan filem-filem cereka antara P.T. Perfin di Indonesia dengan FINAS di Malaysia, September lalu, adalah diharap lebih banyak filem cereka yang diterbitkan di negara ini akan ditayangkan di Indonesia.

Tuan Nasir bin Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu adakah Kementerian sedar banyak pawagam-pawagam telah ditutup disebabkan meluasnya pengeluaran video-video di negara kita. Kalau sedar, apakah tindakan-tindakan yang perlu dibuat supaya pawagam-pawagam di negara kita tidak meningkat penutupannya dan pengeluaran video dapat dikawal.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar ada pawagam-pawagam di seluruh Malaysia banyak yang ditutup, tetapi trend semasa sekarang ini rakyat Malaysia puas hati tengok video di dalam rumah dan tidak mahu keluar rumah. Kementerian ini ada monitoran perkara ini dan diharap pada satu masa rakyat Malaysia akan berpuas hati untuk keluar rumah pergi ke pawagam-pawagam.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Biasanya filem-filem kita dapat dieksport ke Indonesia, tetapi seperti yang kita tahu di Sri Lanka ada keturunan orang Melayu di sana, adakah filem-filem kita dapat dieksport atau ditunjukkan di sana. Mengapa Kerajaan kita tidak mengambil tindakan untuk menghantarkan filem-filem kita ke sana?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya rakyat Sri Lanka yang berbangsa Melayu tidak membuat permohonan untuk menunjukkan filem Malaysia di Sri Lanka. Cadangan Yang Berhormat itu bolehlah dipertimbangkan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Kementerian berkenaan, Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan yang lima buah filem telah dihantar ke Indonesia tetapi yang dapat ditayangkan hanya satu. Mengapa empat filem lagi tidak dapat ditayangkan?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, barangkali rakyat Indonesia tidak berapa puas hati melihat filem Malaysia, barangkali promosi di sana tidak cukup dan saya harap producers kita boleh membuat filem yang lebih baik supaya rakyat Indonesia akan berpuas hati menengok filem kita.

Tuan Harun bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat kepastian dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan iaitu apakah Kerajaan mempunyai cadangan atau minat untuk berusaha memperluaskan pedaran filem-filem tempatan ke negara-negara lain selain dari Indonesia seperti India, Jepun, Taiwan dan sebagainya?

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah ulang balik soalan itu?

Tuan Harun bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat kepastian dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan iaitu apakah Kerajaan mempunyai cadangan ataupun minat untuk berusaha memperluaskan pedaran filem-filem tempatan ke negara-negara lain selain dari Indonesia seperti India, Jepun, Taiwan, Thailand dan sebagainya kerana filem-filem dari negara-negara itu juga banyak dimasukkan ke negara ini.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian belum lagi bercadang untuk mengeksport filem Malaysia ke negara-negara seperti Thailand, Taiwan dan India. Nampaknya promosi susah sedikit, hendak belanja banyak, jadi setakat ini belum lagi, setakat ini concentrationnya hanya di Indonesia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan tambahan sahaja lagi, selepas itu sudahlah.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soal filem kita memang pernah dibahaskan dalam Dewan ini dan juga jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jelas, filem kita ini tidak dapat ditayangkan di negara lain kerana concentrationnya, tumpuannya hanya

ke Indonesia. Di Indonesia pun hanya satu filem sahaja yang mendapat sambutan tetapi betul atau tidak, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri hanya filem 'Sumpah Semerah Padi', itu pun filem ini hanya ditonton oleh kanak-kanak di Indonesia, sebabnya pelakon dari Malaysia pendek-pendek. Hero dalam 'Sumpah Semerah Padi' itu pendek.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin daripada segi dialog yang dipergunakan dalam filem Malaysia dengan dialog di Indonesia kurang mendapat perhatian tetapi yang dikesali dialog dalam filem Indonesia mudah ditiru oleh anak-anak kecil kita.

Dan yang ketiga, minat filem-filem Indonesia ini kerana apa yang saya katakan tadi perbezaannya bintang-bintang filem Indonesia cantik-cantik. Pelakornya pun ada saiz, dan lagi jika sekiranya FINAS tidak dapat memasarkan filem Malaysia, adakah kita akan terus membawa filem Indonesia ke negara kita ini? Jadi saya merasa dukacita kerana tidak ada perimbangan pertukaran pemasaran filem di antara kedua-dua negara pada hal mempunyai lebih kurang persamaan dalam bahawa tetapi mungkin kelemahannya dari segi teknikal pembuatan filem di negara ini sudah merosot dari segi mutunya.

Dato' Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang pertama adalah tidak benar bahawa artis kita pendek-pendek. Pertanyaan yang ketiga bahawa artis Indonesia lebih cantik daripada artis kita pun tidaklah benar. Saya sendiri melihat filem kita banyak artis kita di dalamnya lawa-lawa dan actionnya pun ada. Nampaknya Yang Berhormat itu tidak pergi melihat filem kita, selalunya pergi tengok filem Indonesia sahaja.

Saya berharap jikalau hendak promosi filem kita sendiri, saya berharap rakyat kita sendiri pun

kenal menengok filem kita, tidak usahlah selalu pergi tengok filem western.

Berkenaan dialog ini, Kementerian ini sekarang ada menjalankan kerjasama dengan Indonesia macam mana hendak promote filem Indonesia dan filem Malaysia. Sekian,

DASAR PENDUDUK 70 JUTA - KEMUDAHAN ASAS

8. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah sebenarnya dasar-dasar sosio-ekonomi yang disokong dengan infrastruktur yang dirancang oleh Kerajaan untuk meningkatkan penduduk negara ini kepada 70 juta menjelang tahun 2100 seperti beliau nyatakan di satu persidangan di Bangkok baru-baru ini; dan
- (b) sama ada beliau sedar bahawa mengikut anjuran Bank Dunia, penduduk Malaysia dianggarkan menjadi stabil pada paras 33 juta orang menjelang tahun 2120.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed): Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan (a), selaras dengan perkembangan dan pertambahan penduduk negara ini, Kerajaan telah dan akan terus merancang dan melaksanakan program-program sosio-ekonomi ke arah membina satu masyarakat Malaysia yang sihat, maju dan produktif serta berdisiplin.

Antara program-program sosio-ekonomi tersebut termasuk penyediaan satu perkhidmatan yang bersepadu untuk memperbaiki taraf kesihatan keluarga, pemeliharaan anak dan peningkatan pendapatan keluarga. Tumpuan akan diberi dalam menyediakan perkhidmatan yang

berkualiti supaya dapat mewujudkan satu keluarga yang bahagia, sempurna dan sejahtera dari segi kesihatan, fizikal, pemikiran dan rohani. Dalam rancangan-rancangan pembangunannya juga, Kerajaan telah memperuntukkan pelajaran dan latihan, kesihatan, perumahan dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain kepada rakyat.

Di samping itu, dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan asas pula, Kerajaan telah memperluaskan program infrastrukturnya bagi meliputi seluruh negara. Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan yang berkehendakkan rakyat menikmati kemudahan-kemudahan tersebut dengan saksama dan dengan ini diharap dapat meningkatkan mutu kehidupan mereka. Kemudahan-kemudahan asas ini termasuklah bekalan elektrik, air, jalan-jalan dan lain-lain kemudahan infrastruktur.

Kerajaan juga telah menjalankan dasar cukai pendapatan dan dasar faedah bersalin. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan dalam Belanjawan 1985 telah pun mengkaji semula pengecualian cukai untuk anak selaras dengan polisi Kerajaan untuk mencapai matlamat penduduk 70 juta. Di samping itu, Kerajaan juga telah melanjutkan faedah cuti bersalin daripada 3 orang anak kepada 5 orang anak bagi kakitangan sektor awam pula daripada 2 orang anak kepada 4 orang anak bagi kakitangan sektor swasta.

Mengenai soalan (b) pula, adalah disedari bahawa mengikut anjuran Bank Dunia, penduduk Malaysia akan stabil pada paras 33 juta orang. Berasaskan pada, dengan izin, World Development Report 1985, penduduk Malaysia akan stabil pada paras 33 juta dengan andaian bahawa jumlah kadar kesuburan (total fertility rate) akan mencapai paras penggantian pada tahun 2005.

Dato G. Pasamanickam: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang di dalam dunia, kita ada beauty contests, macam itu bolehkah sesiapa ibu yang ada anak banyak, bolehkah kita buat satu contest, siapa yang ada anak banyak Kerajaan boleh beri bantuan, adakah Kerajaan boleh menimbangkan atas perkara ini.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kita tidak ada cadangan hendak mengadakan contest ibu yang anak banyak, tetapi Yayasan Dakwah Islamiah mengadakan hadiah kepada Ibu Mithali atau ibu yang ideal dan ibu yang dapat melahirkan anak yang banyak serta anak-anak itu semuanya menjadi manusia.

JENAYAH PENCOLEKAN

9. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan keadaan yang terdapat pada masa ini di mana jenayah pencolekan sering berlaku adakah Kerajaan sebarang rancangan untuk mengatasi masalah ini demi kepentingan orang ramai.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian sedar tentang adanya kegiatan jenayah pencolekan di negara ini, terutamanya sejak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, purata kejadian colek yang dilaporkan sejak tahun 1982 hingga September, 1985 hanyalah satu kes bagi setiap bulan.

Sehubungan dengan itu pihak Polis telah melancarkan tindakan untuk mengesan ketua-ketua kumpulan yang dipercayai terlibat sebagai "planners" yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kejadian-kejadian colek dalam masa kebelakangan ini. Selain daripada itu, dalam usaha polis membanteras jenayah melalui operasi-operasi tertentu dari masa ke semasa, salah satu strategi adalah untuk

mewujudkan kesedaran perlunya orang ramai sendiri menjaga keselamatan diri dan harta benda mereka dan perlunya mereka sedar dalam usaha membanteras jenayah khususnya kes-kes colek. Kerjasama mereka sepenuhnya amatlah perlu. Usaha ini sedang diteruskan.

HUTANG NEGARA - KEUPAYAAN MEMBAYAR

10. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa sebahagian daripada sebab kesulitan keupayaan membayar balik hutang negara ialah prestasi projek yang dibiayai melalui pinjaman Kerajaan atau pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan adalah mengecewakan. Apakah usaha Kerajaan untuk meningkatkan daya membayar, bukan melalui sumber cukai, tetapi dengan cara meningkatkan prestasi projek-projek tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang bersetuju dengan anggapan Yang Berhormat bahawa Kerajaan menghadapi masalah membayar balik hutang-hutang kerana sehingga kini Kerajaan kita berkeupayaan membayar hutang-hutang tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya negara kita tidak pernah gagal menyelesaikan tanggungan-tanggungannya dalam membayar hutang-hutang yang diperolehi kerana kedudukan kewangan Kerajaan adalah kokoh. Walau bagaimanapun, dari segi pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensinya memang terdapat bukti-bukti yang dinyatakan bahawa keupayaan mereka untuk membayar balik pinjaman-pinjaman tersebut kadangkala tidak menggalakkan, kerana prestasi projek-projek yang

dijalankan adalah tidak membolehkan pinjaman-pinjaman itu dibayar balik dengan segera. Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah pun diambil oleh Kementerian Kewangan supaya pinjaman-pinjaman berkenaan dapat dibayar balik oleh peminjam-peminjam. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah:

- (1) Meminta agensi-agensi tersebut yang teriibat tadi mengemukakan laporan-laporan kemajuan hiengikut pelaksanaan projek-projek.
- (2) Melaksanakan tindakan-tindakan pengurangan perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak perlu.
- (3) Menubuhkan sebuah unit pusat pengumpulan maklumat agar agensi-agensi tertentu yang mengalami kerugian yang berterusan dapat diketahui dengan segera dan tindakan-tindakan yang perlu dapat diambil.
- (4) Mengarahkan Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mewakili Kerajaan Persekutuan untuk mengawasi projek-projek berkenaan dilaksanakan mengikut program dan anggaran Belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping langkah-langkah di atas dan di mana sesuai Kementerian Kewangan akan membantu supaya projek-projek yang mengalami kesulitan membayar balik pinjaman-pinjaman diberi bantuan secara penjadualan semula pembayaran balik pinjaman-pinjaman berkenaan.

Walau bagaimanapun, saya suka menegaskan bahawa langkah ini akan hanya dilaksanakan sekiranya projek yang dilaksanakan itu benar-benar boleh mendatangkan pulangan yang baik di masa-masa hadapan.

Kementerian Kewangan akan sentiasa mengawasi projek-projek di dalam kategori ini.

STESEN KERETAPI BUTTERWORTH-PENGUBAH- SUAIAN

11. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mengubahsuaikan rekabentuk bangunan dan kawasan di sekitar stesen keretapi Butterworth supaya lebih menarik pandangan daripada yajig ada sekarang oleh kerana stesen keretapi Butterworth adalah salah satu stesen yang terbesar di kawasan Utara untuk menarik, para pelancong yang hendak datangijte Pulau Pinang dan jika Kementerian ada cadangan bilakah hendak dilaksanakan.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa kerja-kerja pengubahsuaian Stesen Keretapi Butterworth telah pun bermula pada bulan Oktober yang lalu dan dijangka siap pada pertengahan bulan Januari 1986.

Tuan Harun bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya tanya ini adalah mengenai keretapi. Oleh itu, saya berharap soalan ini tidak akan terkeluar dari landasan soalan asal.

Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan ialah sehingga ini sejauh manakah kemajuan-kemajuan yang telah dicapai dalam projek keretapi Pantai Timur Semenanjung melalui negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan. Kalau belum ada kemajuan, apakah masalah atau halangan yang dihadapi oleh Kementerian ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, soalan Yang Berhormat itu terkeluar daripada soalan asal sama sekali.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang bukan sahaja mengubah suai Stesen Keretapi di Butterworth tetapi juga sekarang ini di Stesen Keretapi Kuala Lumpur. Saya rasa ini akan memberi lebih keselesaan kepada penumpang-penumpang dan juga mungkin akan menarik orang ramai menggunakan keretapi. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan iaitu sama ada beliau sedar bahawa tambang keretapi ini bagi kelas 1 dan 2 adalah tinggi kalau hendak dibandingkan dengan bas pelancong hawa dingin dan sebagainya. Begitu juga tambang ini kalau dibandingkan dengan tambang kapal terbang, untuk makluman Yang Berhormat saya hendak bandingkan di sini, tambang kapal terbang malam daripada Alor Star ke Kuala Lumpur hawa dingin cuma \$61, tambang keretapi hawa dingin malam daripada Butterworth ke Kuala Lumpur ialah \$68.60. Dari Butterworth ke Kuala Lumpur dekat lagi daripada Alor Star lebih daripada-tambang kapal terbang. Adakah Kerajaan akan mengkaji perkara ini ataupun akan menurunkan sedikit tambang bagi Kelas 1 dan 2 ini iaitu untuk selaras dengan tambang-tambang pengangkutan awam yang lain.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf banyak-banyak kepada Yang Berhormat sebenarnya soalan ini pun terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau terkeluar dari soalan asal, tidak payahlah dijawab. Sebab saya sudah puas beberapa kali ulang minta kerjasama, soalan itu mestilah ada kait dengan soalan asal. Kalau ada pertanyaan yang baharu yang tidak puas hati bolehlah buat pertanyaan di lain persidangan.

Tuan Ahmad bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, yang ini tidak terkeluar. (*Ketawa*)

Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab terlampau pendek, saya rasa ini tidak terkeluar daripada landasan Stesen Keretapi. Ubah suai Stesen Keretapi itu yang saya tengok; saya tidak tahu Yang Berhormat tidak khabar sebelah mana sama ada sebelah depan, tepi, kiri-kanan ataupun belakang. Kerana saya tengok kedudukan bangunan itu seperti lama juga, tidak langsung berubah. Kalau kita tengok ubah-suai yang dibuat di Stesen Keretapi Kuala Lumpur, dengan tambah begitu hebat dan sebagainya, ini yang kita rasa kalau kita hendak tarik minat pelancong, Pulau Pinang pun bukanlah juga sebuah pengkalan yang menarik lebih banyak pelancong daripada Kuala Lumpur lagi. Sepatutnya bangunan itu diubah-suai, bukan setakat landasan, pondok tempat jual itu pun adalah lebih baik pondok yang menjual tiket bas pelancong. Jadi, yang keduanya, belanja, cuba Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan sedikit berapa banyak belanja untuk buat ubah-suai itu. Ini saya ingat tidak terkeluar tetapi dalam.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Soalan yang kedua Yang Berhormat, saya perlukan notis, fasal itu keluar. Soalan yang pertama, sebenarnya Yang Berhormat, masalah mengubahsuai Stesen Keretapi Butterworth ini ialah dari segi bumbungnya, mengecat keseluruhan, memperbaiki lantai ke taraf yang lebih baik lagi, membina pejabat-pejabat tempahan tiket yang baru untuk menampung keperluan yang semakin meningkat, meningkatkan mutu jalan masuk serta sistemnya dan kerja-kerja seni taman di sekitar kawasan itu.

Bangunan itu sendiri kalau hendak diroboh, diganti yang baru, kena makan masa yang banyak, wang yang

banyak. Buat sementara ini, kita adakan pembaikan yang sedemikian dahulu.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam mengubahsuai, adakah sama termasuk tambahan ataupun binaan surau tempat sembahyang. Dan yang kedua, tandas di hadapan bahagian tempat menjual tiket itu terlalu kecil dan selalu terkunci. Sudah kecil, kotor dan terkunci pula. Itu sahaja, terima kasih.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, sebab kotor itu kita kunci. Soalan yang pertama tadi itu saya tidak sebutkan kerja-kerja yang dijalankan termasuk surau maka tidak termasuklah dalam perkara ini.

TAYANGAN GAMBAR VIDEO DI RTM/TV3

12. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Menteri Penerangan menyatakan selaras dengan nilai-nilai Islam yang sedang diserapkan dalam pentadbiran Kerajaan, apakah strategi Kementerian yang berkenaan terhadap penayangan gambar-gambar video melalui RTM atau TV3 yang dianggap asing dan berkebudayaan kuning.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, siaran TV atau televisyen adalah saluran komunikasi untuk orang ramai dan bukan hanya untuk pihak-pihak tertentu sahaja seperti sesuatu golongan atau kaum ataupun pegawai-pegawai Kerajaan sahaja. Ia adalah merupakan dengan saluran-saluran komunikasi yang lain seperti akhbar, majalah dan buku. Kesemuanya ini sering disebut sebagai media massa atau mass media.

Syarat asasi bagi menimbulkan kesan ialah saluran-saluran komunikasi ini mestilah menarik minat umum. Bagi siaran TV, ia mestilah

menarik minat penonton-penonton, barulah mesese-mesese dapat diselitkan dalam rancangan-rancangan seperti Berita, Peristiwa, rancangan-rancangan seperti perbincangan, rancangan agama dan juga rancangan-rancangan majallah dan dokumentari yang memberi faedah.

Rancangan-rancangan yang memberi pendidikan dan pengetahuan am yang disiarkan oleh RTM dan TV3 adalah diterbitkan sendiri oleh masing-masing stesen. Tetapi lebih banyak daripada rancangan-rancangan yang berfaedah ini diimport dari luar negeri. Selain daripada dapat memberi pengetahuan am, rancangan-rancangan yang berfaedah ini juga akan membantu rakyat negara ini memahami perkara-perkara yang berlaku bukan sahaja di sekitar tanahair malah di serata dunia sama ada dunia Barat mahupun negara-negara Islam. Oleh kerana keadaan penonton di negara ini baik di luar bandar ataupun di bandar, suka kepada rancangan-rancangan popular seperti, dengan izin, "soap opera", bukan "soup" (*Ketawa*) atau bangsawan sabun, maka rancangan-rancangan tersebut dijadikan sebagai umpan.

Kail yang sebenarnya ialah mesese-mesese yang membina sama ada untuk pertumbuhan peribadi atau masyarakat umumnya yang terkandung di dalam rancangan-rancangan berbentuk penerangan, pengajaran, agama dan pendidikan. Umpan dan kail ini adalah perlu kerana dalam komunikasi TV, kuasa mutlak untuk menonton atau menutup adalah di tangan penerima iaitu orang ramai dan bukan di tangan pemberi iaitu sama ada TV Malaysia atau TV3.

Bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa sedar akan kesan-kesan kurang baik dan yang boleh ditimbulkan bukan sahaja oleh rancangan-rancangan yang disiarkan di TV tetapi juga Kerajaan menerusi

video-video di rumah dan tayangan di panggung wayang. Dalam hal ini Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Penerangan bekerjasama menapis bahan-bahan yang tidak patut didedahkan kepada rakyat negara ini. Tapisan ini bukan sahaja terhad kepada unsur-unsur kekerasan atau "violence", dengan izin, atau seks, tetapi juga unsur-unsur agama dan ideology yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Rukunegara kita.

Penapisan yang sama juga adalah dibuat ke atas saluran komunikasi lainnya seperti buku, majalah dan akhbar-akhbar. Langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk menentukan pertumbuhan sihat masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai golongan kaum, agama dan adat resam.

Dalam usaha menerapkan nilai-nilai Islam, pembentukan ciri-ciri kebudayaan serta nilai-nilai masyarakat Malaysia, Kementerian saya ada memberi tekanan dalam rancangan-rancangan penerbitan tempatan sama ada oleh RTM sendiri atau dengan gabungan tenaga pihak swasta. Kementerian saya berharap akan dapat meningkatkan tahap penerbitan tempatan ke paras 70% dari keseluruhan rancangan TV pada tahun hadapan iaitu tahun 1986. Melalui penerbitan tempatan tersebut juga maka pengimportan filem-filem dari luar negeri akan dapat dikurangkan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tempoh untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 26 adalah diberi di bawah ini)

RANCANGAN SEKOLAH INTEGRASI-MEMORANDUM

13. **Puan Lim Sean Lean** minta Menteri Pelajaran menyatakan

berapakah memorandum yang telah diterima atas Skim Integrasi yang kemudiannya ditukar namanya, sila nyatakan isi kandungan skim ini dan setakat ini berapakah buah sekolah yang terlibat dan apakah akibat dan hasilnya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Setakat ini Kementerian Pelajaran hanya menerima satu memorandum untuk Rancangan Sekolah Integrasi yang kini dinamakan Rancangan Integrasi Murid-murid Untuk Perpaduan.

Rancangan ini adalah satu program luar bilik darjah yang dijalankan bersama bagi murid-murid dari semua jenis sekolah rendah. Program ini akan dilaksanakan melalui kegiatan-kegiatan yang bercorak sukan dan khidmat masyarakat yang melibatkan penyertaan ramai. Ketiga-tiga jenis sekolah yang berkenaan yang berhampiran atau dalam satu kawasan yang sama akan menjalankan kegiatan-kegiatan ini sebagai tambahan kepada kegiatan-kegiatan yang sedia ada di setiap sekolah yang terlibat.

Rancangan ini akan dijalankan sebagai Program Percubaan pada tahun hadapan (1986). Untuk Program Percubaan ini, sebanyak 61 buah sekolah akan terlibat. Sekolah-sekolah tersebut ialah:

1. SK/SRK - 23 buah
2. SRJK(C) - 20 buah
3. SRJK(T) - 18 buah

Satu kajian akan diadakan pada akhir tahun 1986 mengenai akibat dan hasilnya.

PERANAN MEDIA MASSA

14. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan pandangan beliau tentang setengah Media Massa dalam membuat liputan mereka yang boleh mendedahkan kepada tuduhan dan boleh pula

menimbulkan kekacauan perkauman dan kadangkala hanya menegakkan kepentingan sesuatu kaum sahaja sedangkan peranan Media Massa perlu memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan masyarakat bertanggungjawab dan bersatu dalam negara yang berbilang keturunan, agama dan kebudayaan seperti Malaysia.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian Dalam Negeri mengamalkan sikap liberal ke atas persuratkhabaran di negara ini. Dalam pada itu, pihak penerbitan akhbar dan penerbitan-penerbitan lain perlulah menyambut sikap ini dengan perasaan penuh tanggungjawab dan "accountability", dengan izin ke atas segala kandungan yang dimuatkan di dalam penerbitan masing-masing. Adalah menjadi kewajipan penerbit untuk membantu pembentukan daya pemikiran yang positif di kalangan masyarakat pembaca, selaras dengan hasrat dan usaha Kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu, maju, bahagia dan berdisiplin.

Selain daripada mengenakan syarat-syarat tertentu kepada pemegang-pemegang Permit Penerbitan, Kementerian Dalam Negeri juga mengeluarkan garis panduan kepada semua penerbit tempatan untuk membimbing mereka supaya hasil penerbitan mereka tidak bercanggah dengan Undang-undang negara.

Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi dengan teliti kandungan dan perkembangan akhbar-akhbar di negara ini dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana penerbitan yang menyiarkan sebarang bahan yang bertentangan dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984.

PENGELUARAN MINYAK MENTAH

15. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan berapa juga liter minyak yang dikeluarkan dalam setahun dan berapa banyak pula yang akan dipertingkatkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada lazimnya kadar pengeluaran minyak dikira dalam unit tong sehari ataupun tan metrik. Anggaran pengeluaran minyak mentah negara bagi tahun 1985 ialah sebanyak 420,000 tong sehari dan adalah dijangka untuk meningkatkan ke kadar 510,000 tong sehari dalam tahun 1986.

AKTA DADAH BERBAHAYA - HUKUMAN

16. Tuan Paramjit Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang yang telah dibicarakan dan bersabit di bawah pindaan baru Akta Dadah Berbahaya dan bilangan yang telah dijatuhkan hukuman mati atas tuduhan mengedar dadah bagi tahun 1985;
- (b) jumlah orang-orang tahanan di dalam Malaysia yang sedang menjalani hukuman penjara sepanjang hayat dan;
- (c) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengurangkan hukuman penjara sepanjang hayat ke hukuman penjara seumur hidup.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:

- (a) Sejak berkuatkuasanya Akta Dadah Berbahaya (Pindaan 1983) pada 15hb April, 1983 di mana hukuman gantung yang diwajibkan telah diperkenalkan kepada sesiapa yang disabitkan kesalahan kerana mengedar

dadah, seramai 27 orang yang melibatkan 17 kes telah dibicarakan. Dari jumlah ini hanya 13 orang yang terlibat dalam 11 kes telah disabitkan kesalahan mereka dan dikenakan hukuman gantung. Tetapi sehingga kini hanya seorang saja telah menjalankan hukumannya manakala 12 orang yang lain masih menunggu giliran mereka untuk digantung selepas segala rayuan untuk diampun gagal. 14 orang atau 6 kes yang lain telah dibuang kes/ dibebaskan oleh Mahkamah.

- (b) Untuk menjawab soalan (6) inginlah saya menjejaskan kepada Dewan yang Mulia ini bahawa tidak ada hukuman penjara sepanjang hayat di bawah Akta Dadah Berbahaya (Pindaan 1983). Hukuman penjara sepanjang hayat hanyalah dikenakan kepada mereka yang disabit kesaihan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Jumlah banduan yang sedang menjalani hukuman penjara sepanjang (seumur) hayat di Malaysia ialah seramai 74 orang.
- (c) Setakat ini pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan hukuman penjara sepanjang hayat kepada hukuman penjara seumur hidup di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) 1971. Walau bagaimanapun banduan-banduan berhak membuat rayuan tiap-tiap tahun mengikut Kaedah-kedah Penjara III dan kes-kes mereka akan diulang kaji 4 tahun sekali mengikut Kaedah Penjara 55.

FELDA/FELCRA- MENDAPATKAN HAKMILIK

17. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan tanah-

tanah rancangan seperti FELDA dan FELCRA yang telah diberikan hakmilik, kemudian tuan punya tanah itu meninggal dunia, masalahnya ialah, kalau tuan punya tanah itu beragama Islam adakah boleh tanah itu di faraidkan, jika boleh bagaimana caranya.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):

Bagi peneroka Islam yang telah mendapat hakmilik kemudian meninggal dunia, pembahagian kawasan pegangan dibuat berasaskan kepada nilai tanah yang berkenaan mengikut hukum Faraid. Waris-waris simati berhak menerima bahagian mereka berbentuk wang yang dikira daripada nilai tanah tersebut. Jika terdapat salah seorang daripada waris-waris yang berkemampuan untuk membuat bayaran untuk bahagian waris-waris yang lain ianya bolehlah dilantik sebagai pengganti kepada simati untuk memiliki kawasan pegangan yang berkenaan. Tetapi, sekiranya tidak ada waris yang berkemampuan untuk membuat bayaran tersebut, Pentadbiran Tanah akan mengambil tindakan menjual kawasan pegangan berkenaan dan pendapatan dari jualan ini akan dibangkitkan kepada waris-waris mengikut hukum Faraid.

Bagi FELCRA pula, belum ada tanah yang dilaksanakan di bawah Akta (Penempatan Beramai-ramai) Tanah 1960 yang diberi hakmilik.

PLAZA TOL LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

18. **Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilangan rumah-rumah tol di negara ini dan menyatakan sama ada rumah-rumah tol di adakan untuk sementara waktu atau untuk selama-lamanya.

Dato' S. Samy Vellu: Bilangan Plaza Tol Lembaga Lebuhraya Malaysia yang berpotensi sekarang ialah

sebanyak 9 plaza. Di antara tujuan utama Plaza-plaza Tol dibina ialah untuk mengutip tol bagi membiayai Lebuhraya Tol Utara-Selatan, penyelenggaraan dan kos pengurusan. Sama ada rumah-rumah tol tersebut diadakan untuk sementara waktu ataupun untuk selamanya belumlah dapat dipastikan lagi.

ROMPAKAN LANUN KE ATAS NELAYAN

19. **Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan-tindakan yang telah dibuat bagi mencegah kejadian rompakan lanun-lanun ke atas nelayan-nelayan kita yang kerap berlaku masa ini. Tolong nyatakan bilangan tangkapan yang telah dibuat dan negeri asal lanun-lanun yang telah ditangkap itu.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Jawapan kepada soalan ini telah pun saya berikan tempoh hari, iaitu ketika menjawab soalan-soalan dari Yang Berhormat Tuan Hasan Nam pada 1-12-85 dan 13-12-85 dari Yang Berhormat Tuan Mohd. Noor bin Bedah pada 3-12-85 dan Yang Berhormat Tuan Abu Bakar Lajim pada 17-12-85.

Saya tidak ingin menambah apa-apa lagi.

JAMBATAN PULAU PINANG- KOS PEMBINAAN

20. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pinjaman yang ditanggung oleh Kerajaan kerana projek bina jambatan Pulau Pinang; dan
- (b) bolehkah menampung dari hasil, kutipan tol bulanan untuk membayar balik hutang pinjaman projek binaan jambatan tersebut.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Anggaran kos bagi membina jambatan Pulau Pinang ialah \$850 juta dan perbelanjaan sebenarnya sehingga Oktober 1985 ialah sebanyak \$810 juta. Perbelanjaan ini telah dibiayai melalui sebahagian besarnya daripada jumlah pinjaman-pinjaman dan bakinya daripada pemberian secara langsung dari Kerajaan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia.
- (6) Kutipan tol bulanan untuk membayar balik hutang pinjaman komersial projek pembinaan jambatan Pulau Pinang adalah didapati tidak mencukupi. Ini terbukti jika dibandingkan di antara kutipan tol bulanan semenjak jambatan Pulau Pinang dibuka dengan kadar faedah pinjaman 12% setahun, tidak termasuk bayaran pinjaman pokok yang diberi 'Grace Period' selama 5 tahun,

Berdasarkan kepada jumlah wang yang dibiayai hingga ini bagi membina jambatan Pulau Pinang sebanyak lebih kurang \$810 juta, maka bayaran balik pinjaman dengan faedah 12% setahun bayaran faedah, dan bayaran pokok, adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bayaran Faedah</i>	<i>Bayaran Pokok</i>
1	\$102juta	ditanggung
2	\$102 juta	ditanggung
3	\$102 juta	ditanggung
4	\$102 juta	ditanggung
5	\$102 juta	ditanggung
6	\$102 juta	\$170juta
7	\$81.6juta	\$170juta
8	\$61.2juta	\$170juta
9	\$40.8 juta	\$170juta
10	\$20.4 juta	\$170juta

PUNGUTAN TOL

September 1985	\$1.1 juta
Oktober 1985	\$1.3 juta
November 1985	\$1.4 juta
	<hr/>
	\$3.8 juta atau purata
	—————tahunan
	sebanyak
	\$22 juta.

Angka-angka di atas menunjukkan bahawa kutipan tol yang dianggarkan sebanyak lebih kurang \$22 juta setahun itu adalah tidak mencukupi untuk membayar balik kadar faedah pinjaman sahaja, belum termasuk bayaran pokok.

(Soalan No. 21. Sila lihat Jawapan No. 19 pada 9-12-85)

**KEUJUDAN KOMANWEL-
PERANAN MALAYSIA**

22. **Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Luar Negeri menyatakan setakat manakah benarnya keujudan Komanwel tidak dapat memainkan peranan yang positif dan tidak dapat pula memberi faedah kepada negara anggotanya dan sekiranya keadaan yang sedemikian berterusan apakah tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak Malaysia sebagai anggotanya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzil: Saya mohon izin untuk memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab semasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Toh Muda Dr Fadzil Che Wan pada 3hb Disember, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan yang hendak dibuat.

**SISTEM KBSR -
PELAKSANAAN**

23. **Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah tahap I dalam pelaksanaan KBSR yang

telah dijalankan sekarang, telah mencapai prestasi yang memuaskan sepertimana yang dikehendaki.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Penilaian pencapaian murid-murid KBSR Tahap I bagi pelaksanaan - penuh telah dijalankan dalam bulan Oktober 1985 dan laporan mengenainya sedang diusahakan. Adalah dijangkakan laporan ini akan siap menjelang awal 1986.

Walau bagaimanapun bagi kelas-kelas percubaan, iaitu sebanyak 302 buah sekolah, hasil pengesanan dan penilaian sistem KBSR didapati KBSR telah menimbulkan kesan-kesan yang positif, seperti pencapaian murid-murid dalam semua kemahiran asas, iaitu menulis, mengira dan membaca didapati lebih tinggi jika dibandingkan dengan murid-murid yang mengikuti kurikulum Lama Sekolah Rendah. Di samping itu murid-murid KBSR juga pada amnya lebih aktif, berminat, cekap dan riang dalam pembelajaran mereka.

**PENDATANG HARAM
VIETNAM-ANCAMAN
NELAYAN**

24. **Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa pendatang haram Vietnam yang ditempatkan di Pulau Bidong menjadi ancaman kepada nelayan dan pendapatan nelayan-nelayan tersebut dan jika ya, apakah tindakan Kementerian selanjutnya.

Dato Radzi bin Sheikh Ahmad: Pendatang Haram Vietnam yang ditempatkan di Kem Sementara Pulau Bidong tidak menjadi ancaman kepada nelayan dan pendapatan mereka. Pulau Bidong yang diisytiharkan sebagai kawasan larangan hanya meliputi kawasan sejauh 200 ela dari paras air surut di pantai. Nelayan-nelayan tempatan adalah dibenarkan

menangkap ikan di luar kawasan larangan ini dan juga boleh berteduh di pulau tersebut semasa cuaca buruk dan laut bergelora. Mereka juga boleh menggunakan surau yang ada di pulau itu. Pendatang Haram Vietnam adalah dikawal dengan rapi dan mereka tidak dibenarkan keluar dari kawasan larangan ini.

RASUAH DI JABATAN/ AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA

25. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar tentang wujudnya Kegiatan Rasuah yang dijalankan secara halus, licin dan tersusun dalam Jabatan dan Agensi Kerajaan serta swasta dan Bank-bank bagi hal-hal yang berhubung dengan perniagaan. Jika sedar, bagaimana Kerajaan akan mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Sukalah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pada umumnya sesuatu perbuatan rasuah itu kerap kali dilakukan secara halus, licin dan kadangkala tersusun. Sekiranya perbuatan rasuah itu dilakukan secara kasar dan terbuka seperti rompakan, senanglah pula Badan Pencegah Rasuah mengatur strategi dan tindakan-tindakan lanjut untuk membenteras dan mencegahnya. Dalam hal ini, Kerajaan sedar bahawa perbuatan rasuah ada berlaku di dalam jabatan/agensi Kerajaan dan juga di dalam syarikat/organisasi swasta yang lain. Walau bagaimanapun, perbuatan tersebut hanya dilakukan oleh segelintir pegawai dan kakitangan yang tidak bermoral dan Kerajaan masih lagi dapat mengawal keadaan tersebut.

Dalam usaha untuk membenteraskan perbuatan rasuah itu, Kerajaan telah, sedang dan akan

terus mengambil langkah-langkah pencegahan dari segi undang-undang dan pentadbiran seperti berikut:

1. Mempertingkatkan lagi aktiviti-aktiviti perisikan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih bernas, tepat dan bermutu bagi membolehkan penyiasatan lanjut dilakukan;
2. Mempergiat dan mempertingkatkan lagi aktiviti aktiviti siasatan bagi mengumpulkan bukti-bukti yang berkaitan dan apabila bukti-bukti tersebut sudah mencukupi dan nyata, mereka yang terlibat dengan sesuatu perbuatan rasuah itu akan dihadapkan ke muka pengadilan di mahkamah;
3. Mempergiat dan mempertingkatkan lagi usaha-usaha untuk menyedarkan para penjawat awam, para pegawai dan kakitangan sektor swasta, ahli-ahli persatuan serta masyarakat umum tentang bahaya serta keburukan rasuah menerusi sesi-sesi ceramah, majlis dialog, seminar dan bengkel kerja yang dijalankan dari masa ke semasa; dan
4. Menerapkan nilai-nilai Islam di dalam Perkhidmatan awam khusus untuk menyedarkan para penjawat awam mengenai keburukan dan kehinaan perbuatan rasuah termasuk "rasuah bermoral" dari sudut pandangan agama dan masyarakat.

(Soalan No. 26. Sila lihat Jawapan No. 5 pada 5-12-85)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.07ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, dibaca bagi kali kedua.

Selaras dengan pindaan dalam Akta Bank dan Akta Syarikat Kewangan, Ordinan Bank Negara Malaysia akan juga dipinda bagi membolehkan Bank Negara dengan persetujuan Kerajaan untuk memberi pinjaman atau membeli saham-saham institusi kewangan yang pada pendapatnya telah tldak berupaya menjelaskan tanggungannya atau akan menggantungkan pembayaran. Memandangkan institusi kewangan yang sedang menghadapi masalah boleh menjejaskan keyakinan orang ramai, adalah perlu bagi Bank Negara mengambil tindakan segera bagi melindungi penyimpan-penyimpan dan mengelakkan krisis keyakinan dalam sistem bank. Pindaan ini juga bertujuan memperuntukkan penubuhan suatu Penal Penasihat bagi menasihatkan Kerajaan ke atas mana-mana cadangan pembelian atau penjualan saham bank atau syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara

Malaysia 1958, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.40 ptg.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong suatu akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958.

Tuan Yang di-Pertua, kita memanglah amat berbangga dengan perkembangan ekonomi di negara kita yang stabil walaupun keadaan ekonomi dunia sedang menghadapi kemelesetan. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita tidak mengalami tekanan ekonomi yang meleset begitu teruk sekali jika dibandingkan dengan setengah-setengah negara yang lain yang mengalami perkembangan ekonomi yang negatif dan terpaksa mengambil tindakan yang terdesak bagi menyelamatkan ekonomi negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan prestasi atau penglibatan bumiputera di dalam ekonomi dan perdagangan, ianya sungguh menggalakkan, terutama di bidang institusi-institusi kewangan. Kita boleh berbangga dengan peningkatan penglibatan kaum bumiputera dengan institusi kewangan dan bank-bank, tetapi malangnya di dalam usaha kita untuk meningkatkan prestasi dan penglibatan kita itu, kita telah dilanda oleh skandal demi skandal yang sungguh menyedihkan dan menyayat hati.

Dahulu kita pernah dengar skandal Bank Rakyat, mujur pihak Kerajaan campur tangan di daiam menyelamatkan bank tersebut. Jikalau tidak telah lama ianya tutup kedai. Walaupun bank tersebut telah pulih semula tetapi pemegang sahamnya masih lagi menanggung implikasi dari skandal tersebut.

Kemudian pula baru-baru ini kita menghadapi satu lagi skandal yang lebih besar. Ianya merupakan satu skandal yang terbesar di rantau ini iaitu tidak lain dan tidak bukan ialah skandal BMF.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah \$2,500 juta atau \$2.5 billion telah diselewengkan. \$2,500 juga adalah satu jumlah yang bukan sedikit. Kalau kita hendak membina jambatan seperti Jambatan Pulau Pinang, kita boleh membina sebanyak tiga jambatan lagi dengan wang tersebut. Kalau kita hendak membina bilangan bumiputera menjadi jutawan dengan sekelip mata sahaja kita boleh mewujudkan 2,500 orang jutawan yang baru, tidak usah kita sebut lagi dengan perkara-perkara yang lain lagi, kerana bermacam-macam projek boleh dilaksanakan dengan wang sebanyak itu.

Kerajaan kata untuk menyelamatkan dan menjimatkan perbelanjaan negara, wang tidak cukup-cukup kita pinjam dari Bank Dunia dengan interest yang tinggi tetapi sebaliknya wang kepunyaan kita telah dipinjamkan dengan sebegitu banyak, dengan mudah, dengan sewenang-wenangnya di luar negeri dan wang tersebut pula telah hangus dan lenyap dengan begitu mudah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, soal isu BMF sepatutnya tidak perlu diperkatakan lagi tetapi ianya merupakan satu skandal yang tidak boleh dilupakan begitu sahaja oleh kita, khususnya kaum bumiputera.

Dahulu kita tidak mempunyai bijak pandai dan cendekiawan yang ramai di kalangan bumiputera tetapi kini sudah melimpah-limpah mereka yang berkelulusan tinggi, terutama di bidang-bidang profesional seperti lawyer, accountant, dengan izin, ahli-ahli ekonomi dan sebagainya. Tetapi malangnya semakin ramai mereka yang bijak pandai, semakin besar pula skandal yang dilakukan. Bak kata

orang, kurang pengetahuan boleh diperbaiki dengan mempelajari, kurang pengalaman boleh diatasi dengan menceburkan diri, tetapi kurang kejujuran adalah susah untuk diperbaiki.

Apa yang hendak saya jelaskan di sini ialah tentang kejujuran. Pihak Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Seri Dr Mahathir Mohamad telah menekankan konsep Bersih, Cekap dan Amanah. Tetapi berapa ramaikah mereka yang menghayatinya dengan sesungguhnya. Jika semua pihak benar-benar menghayati konsep tersebut, saya rasa tidak timbul skandal demi skandal.

Banyak agensi-agensi Kerajaan yang telah ditubuhkan untuk membantu bumiputera yang tidak perlu saya sebutkan di sini telah mengalami kegagalan demi kegagalan. Kenapakah ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua?

Ianya tidak lain dan tidak bukan kerana penyelewengan dan tidak ada kejujuran yang diamalkan oleh mereka yang telah diamanahkan. Konsep kehidupan yang asuhan yang kita terima sejak dari kecil ialah amanah. Agama kita juga menekankan sikap amanah. Kalaupun kita tidak takut kepada hukum-hukum di dunia ini, sepatutnya kita mestilah takut kepada hukum-hukum Allah kerana balasan yang akan diterima kelak kita tidak akan dapat melepaskan diri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kehidupan kita sehari-hari, dua perkara yang menyebabkan kita lupa kepada ethika dan moral kehidupan kita boleh sanggup melupakan balasan Tuhan.

Sejarah telah membuktikan segala-galanya iaitu Sultan Hussein Shah sanggup menggadaikan negaranya kepada Singapura, kepada Raffles kerana wang. Maharaja China telah dijatuhkan kerana mereka lupa daratan. Ya, dua perkara yang tersebut

boleh menimbulkan implikasi yang buruk kepada sesiapa sahaja. Dua perkara tersebut tak lain dan tak bukan ialah wang dan yang satu lagi. . . tak payah saya sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini dua perkara yang tersebut itu yang menyebabkan seseorang sanggup melakukan penyelewengan tanpa mengenal sanak-saudara, adik-beradik, anak dan bapa, rakan dan taulan ataupun serban di kepala. Oleh yang demikian, saya ingin menekankan di sini selain dari usaha Kerajaan untuk memperketatkan lagi undang-undang dan peraturan bank-bank dan institusi kewangan untuk meluluskan pinjaman yang melibatkan wang berjuta-juta ringgit, pihak Kerajaan hendaklah melancarkan satu kempen secara besar-besaran di seluruh peringkat bagi memerangi skandal-skandal penyelewengan seperti ini. Kita telah jadikan dadah sebagai musuh utama negara dan saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini agar penyelewengan ini dijadikan musuh kedua negara. Tidak berguna kita mengadakan berbagai undang-undang dan peraturan yang begitu ketat bagi mengawal perjalanan pentadbiran sesuatu institusi itu selagi mereka yang diamanahkan itu tidak jujur, maka selagi itulah matlamat kita tidak akan tercapai.

Kita mestilah memerangi habis-habisan terhadap penyelewengan seperti juga kita memerangi dadah dan komunis.

Slogan Bersih, Cekap dan Amanah perlu diperhebatkan dan dipraktikkan. Kita mestilah melancarkan perang saraf dan gerak saraf terhadap penyelewengan itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana selagi penyelewengan tidak dapat diatasi dan kejujuran tidak dihayati, tidaklah usaha kita bermimpi untuk membela nasib kaum bumiputera di bidang ekonomi.

Penyelewengan ini nampaknya telah berlaku di peringkat atasan sehingga di peringkat bawahan. Peniaga-peniaga kecil bumiputera yang hendak mendapatkan pinjaman yang kecil dari bank-bank yang banyak menghadapi berbagai masalah kerana adanya penyelewengan.

Penyelewengan berlaku di mana-mana sahaja dan jika ianya tidak diperbaiki dan diatasi, undang-undang dan peraturan yang sebagaimana dketatkan pun dapat mereka melepaskan diri kerana ramai orang yang telah "bijak" pada masa ini. Mujurlah kita ada PETRONAS yang dapat menanggung beban bagi menyelamatkan Bank Bumiputera dari terkubur.

Tuan Yang di-Pertua, bak kata Yang Berbahagia Tun Hussein Onn, "Ini baru satu bank diamanahkan kepada mereka untuk mengendalikannya telah lingkup; besok negara kita pula akan tergedai."

Jadi kenalalah waspada ataupun itu dijadikan sebagai satu pengajaran supaya ianya tidak akan berulang lagi.

Memang mudah untuk mencari orang yang bijak pandai pada masa ini kerana mereka telah ramai, tetapi amat susah untuk mendapatkan mereka yang jujur dan amanah. Apa yang hendak saya katakan di sini ialah undang-undang yang wujud tidak akan berkesan jika tidak dipatuhi, selagi aspek moral itu masih tidak dihormati dan dihayati.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya dengan tegasnya mengatakan supaya Bank Negara hendaklah mengawasi lain-lain bank di negara ini dengan lebih berkesan supaya peristiwa pahit tidak akan berulang lagi. Bak kata orang: "Terlajak perahu boleh berbalik tetapi terlajak perbuatan buruk padahnya, atau badan menanggung."

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

3.51 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas pembentangan Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Di samping menyokong pindaan ke atas Rang Undang-undang tersebut yang bertujuan memberi kuasa kepada Bank Negara memberi pinjaman atau membeli saham sesebuah bank atau syarikat kewangan yang berlesen, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengannya. Pada pendapat saya Rang Undang-undang tersebut adalah untuk mengawal atau memperbaiki perniagaan sesebuah bank atau syarikat kewangan. Menurutnya, sekiranya Bank Negara memikirkan bahawa sesebuah bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan, 1969 itu didapati tidak berupaya memenuhi tanggungjawabnya kepada para pelanggan atau hendak menggantung pembayaran yang sepatutnya dibuat, ia boleh mengambil dua langkah segera.

Pindaan ini membenarkan Bank Negara dengan izin atau perintah Menteri Kewangan boleh mengeuarkan pinjaman kepada mana-mana bank atau syarikat kewangan untuk membantu memulihkan operasinya. Bank Negara juga boleh membeli atau mengambilalih saham-saham bank atau syarikat kewangan untuk tujuan yang sama.

Pindaan ini juga mencadangkan penubuhan satu Panel Penasihat kepada Menteri Kewangan dan Bank Negara bagi membantu kedua-dua pihak dalam sebarang langkah mengambilalih saham atau menjualkan pinjaman kepada mana-mana institusi atau syarikat kewangan yang memerlukannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan Rang Undang-undang Ordinan ini adalah salah satu langkah dan strategi mewujudkan perkembangan ekonomi negara. Langkah ini dipercayai dapat menjadi pendorong kepada bank-bank dan syarikat kewangan mengeluarkan kredit.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kuasa yang sungguh luas yang diberikan kepada Bank Negara dan Menteri Kewangan hingga larangan-larangan dalam Seksyen 31 Ordinan itu diketepikan, maka saya rasa sudah tentu pihak Kerajaan sudah memikirkan dengan serius tentang akibatnya. Kuasa ini jika digunakan dengan baik, bijak dan adil, saya rasa tentu sekali baik jua akibatnya, tetapi jika disalahgunakan kuasa ini, akibatnya buruk sekali terutama sekali dari segi keyakinan pelabur, orang ramai dan dunia terhadap Central Bank kita.

Dari itu saya sungguh berharap dan percaya pihak Kementerian sudah mendapat beberapa pendapat dari peguam-peguam yang pindaan ini tidak bertentangan dengan peraturan dan amalan bank-bank di dunia. Seterusnya diharapkan Bank Negara berhati-hati supaya tidak menyebarkan kadar faedah berapa pada paras yang menggalakkan pengaliran keluar modal, meningkatkan pengaliran mudah-tunai ataupun liquidity, dengan izin, dan melahirkan tekanan-tekanan inflasi. Ia juga perlu mengambil kira bahawa Bank Negara telah pun memasukkan \$2,500 juta ke dalam sistem bank bagi tempoh 10 bulan pertama tahun ini. Sementara itu tahun

lalu, Bank Negara memasukkan hampir \$4,000 juta daripada new reserve, dengan izin, ke dalam sistem bank terutama melalui pembelian surat-surat jaminan Kerajaan, pertukaran asing dan pemusingan simpanan Kerajaan. Dengan kewangan mudah-tunai baru ini, dasar pengeluaran patut ditumpukan supaya keperluan melegakan kadar faedah untuk menggalakkan pertumbuhan kegiatan dan pelaburan dapat ditentukan. Di samping itu, Bank Negara juga perlu mengekalkan pada paras yang menggalakkan pertumbuhan kegiatan dan pelaburan dapat ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu sahaja jumlah kredit yang diperlukan oleh bank-bank pada keseluruhannya melebihi deposit yang dikumpulkan sebanyak \$250 juta dan arah aliran itu dilanjutkan sehingga tahun ini. Malahan jurang antara kredit dan deposit telah bertambah luas lagi tahun ini. Dalam tempoh 9 bulan pertama tahun 1985, jurang antara kredit dan deposit ialah lebih kurang \$850 juta.

Memandangkan keadaan kewangan yang semakin meruncing ini yang berkait dengan defisit Kerajaan dan defisit pembayaran asing yang berlaku sekarang, Bank Negara perlu mengekalkan kadar deposit di paras yang memuaskan bagi menyaingi kadar antarabangsa dan menentukan pengaliran keluar modal dapat dikawal. Adalah diharapkan Rang Undang-undang Ordinan ini dapat memperteguhkan lagi operasi bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan supaya mereka lebih berkesan, bertindak untuk terus mengharungi kemelesetan ekonomi dengan penuh keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, jika semua aspek-aspek negatif yang saya sebutkan tadi sudah diambil kira, maka saya rasa pindaan ke atas Ordinan ini adalah tepat pada masanya memandangkan ekonomi kita telah

bergerak ke tahap yang lebih mantap. Pergerakan ini memerlukan peraturan-peraturan baru memandangkan kemajuan infrastruktur yang beralih priority seperti permintaan-permintaan baru ke atas sektor pembinaan rumah kos rendah, pelancongan dan pertanian. Tambahan pula, keadaan ekonomi dunia yang kerap bertukar telah mengakibatkan kita meletakkan priority yang berkurangan ke atas sektor-sektor yang dahulunya dianggap penting.

Dengan latar belakang yang sedemikian, industri bank perlu digalakkan ke arah kemajuan baru ini. Di samping memperbaiki aliran sosio-ekonomi negara, Bank Negara hendaklah mengarah industri bank menumpukan perhatian kepada peningkatan pengeluaran dan aktiviti di sektor pertanian, membantu industri binaan, menggalakkan pembinaan rumah kos rendah dan mewujudkan insentif-insentif dan elaun khas dalam industri pembuatan dan pelancongan.

Dalam hal ini Bank Negara perlu membenarkan kelonggaran kepada industri bank supaya faktor kemanusiaan dan creativity dapat dipertingkatkan. Pegawai-pegawai Bank harus berani, lebih kreatif dan mahu mencuba galakan-galakan baru di samping mendukung kemajuan infrastruktur selaras dengan rancangan Kerajaan.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958. Sekian.

4.00 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama saudara saya membahaskan dan menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, sama-sama kita maklum bahawasanya sebuah bank lebih-lebih lagi Bank Negara adalah sebagai nyawa atau roh kepada satu-satu negara. Kalaulah negara itu tidak ada perbelanjaan, tiada wang ringgit, jawabnya samalah dengan manusia yang tiada roh, ertinya tidak dapat bergerak dan tidak dapat membuat apa-apa perkara pun, yakni disifatkan atau dikatakan mati. Oleh itu tanggungjawab berkenaan dengan bank ini lebih-lebih lagi Bank negara yang kita sedang bincangkan ini ialah satu tanggungjawab yang anjat mustahak, satu tanggungjawab yang amat penting sekali daripada pihak Kerajaan dan juga pihak kakitangan-kakitangan yang diamanahkan kepadanya untuk menguruskan satu-satu bank itu.

Oleh itu, selain daripada kita mengadakan Rang Undang-undang yang ketat, yang betul, yang kita memikir dapat kita mempertahankan kewangan kita daripada kehilangan ataupun daripada tidak dapat kita menyelenggarakan dengan sempurna, tanggungjawab juga iaitu mestilah pihak Kerajaan memberi kursus keagamaan kepada mereka yang bertanggungjawab semoga kefahaman agama yang mendalam yang ada pada diri orang-orang yang memegang amanah itu dapat mereka mengawali diri masing-masing dan perasaan bertanggungjawab itu telah pun mendahului daripada kepentingan diri masing-masing.

Oleh itu saya mengesyorkan kepada pihak Kerajaan supaya memberi kursus khas tentang tanggungjawab di dalam segi keagamaan selain daripada tanggungjawab di dalam segi undang-undang dan peraturan yang telah pun dibuat, memberi kursus supaya mereka memahami bahawasanya tiap-tiap satu sen wang yang diamanahkan kepada mereka adalah tidak akan terlepas, mereka akan bertanggungjawab sekiranya dapat terlepas dalam dunia

ini di akhirat nanti mereka tidak akan dapat lepas daripada menerima akibat yang tidak baik atau akibat yang buruk.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum, Bank Bumiputera dan Bank Islam, kedua-duanya adalah saham Kerajaan lebih banyak daripada saham-saham yang lain. Oleh itu tanggungjawab Kerajaan bagi mengawal kedua-dua bank ini adalah amat penting semoga di antara dua bank ini dapat berjalan dengan keadaan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah kepada saya hendak bercakap dalam masalah Bank Islam. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang telah mengurniakan taufik dan hidayah kepada pemimpin-pemimpin Kerajaan kita yang mana telah pun mengadakan satu bank yang berlandaskan hukum syariat Islam yang dinamakan Bank Islam yang mana sekarang ini dapat memberi khidmat dan pertolongan kepada rakyat jelata sekalian terutama urusan ekonomi mereka dengan berlandaskan hukum Islam.

Tuan Yang di-Pertua, inilah satu bukti yang mana Kerajaan kita ini dinamakan Kerajaan Islam. Saya suka kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini satu perkara yang amat penting sekali kepada semua orang-orang Islam, iaitu kita mesti mengawasi segala kehasilan pendapatan daripada titikpeluh kita hendaklah daripada jenis yang halal yang dibenarkan oleh Islam. Kalau tidak kehasilan pendapatan daripada titikpeluh kita itu, tidak akan datang manfaat kepada kita dan kepada anak cucu kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Rasulullah s.a.w. bersabda, yang bermaksud, tiap-tiap daging yang tumbuh daripada benda yang haram itu, maka api neraka yang lebih utama dengan dia. Dari sinilah Kerajaan mengeluarkan saham yang banyak melalui Bank Negara mengadakan

Bank Islam ini ialah satu perkara yang berguna dan manfaat kepada orang-orang Islam dan yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada semua lapisan masyarakat semoga masing-masing mengawal diri dan keluarga semoga tidak akan menerima seksa sengsara di akhirat nanti. Oleh itu amatlah wajar sekali kepada semua rakyat jelata yang berada di dalam negara ini lebih-lebih lagi orang-orang yang beragama Islam, memelihara dan mengawal diri masing-masing dan berusaha semoga sedaya upayanya dapat menghasilkan kehasilan rezeki daripada benda yang diredhai oleh Allah s.a.w. yang dinamakan perkara yang halal.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya suka bercakap dalam Dewan yang mulia ini, Allah s.w.t. berfirman di dalam Al-Quran, bererti:

Wahai segala orang-orang yang beriman, peliharalah kamu akan diri kamu dan keluarga kamu akan api neraka.

Dan kayu api neraka itu ialah manusia dan batu. Pengawal neraka itu ialah Malaikat yang kasar tabiatnya dan yang keras.

Tak pernah derhaka mereka itu akan Allah apa yang diperintahkan akan mereka itu.

Dan mereka itulah berbuat apa sahaja barang yang disuruh akan mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kepada pihak Bank Negara sebagai pengawas kepada bank-bank yang lain, terutama kepada Bank Islam semoga pihak Bank Islam dapat membanyakkan penerangan kepada seluruh negara dengan memberi ceramah dalam segi hukum dan konsep bank ini kepada seluruh rakyat. Insya Allah, rakyat sekalian hidup di dalam keadaan ekonomi yang diredhai oleh Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dan merayu kepada pihak berkuasa berikhtiar dan berusaha, kalau boleh, semoga semua institusi kewangan yang ada dalam negara ini disatukan di bawah undang-undang dan cara pentadbiran yang diluluskan oleh Islam. Sebab itulah pada pandangan saya kalau kita buat cara-cara yang diluluskan oleh Islam tidak membawa kepada kerugian dan menyusahkan kepada orang-orang yang bukan Islam kerana sistem Islam patut dan layak kepada semua golongan manusia, sama ada Islam ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Islam agama membangun. Islam ialah agama yang diturunkan oleh Allah kepada manusia untuk menjadi pedoman dan panduan bagi mereka mencapai kesempurnaan hidup sebagai manusia yang kejadiannya tersusun daripada dua perkara. Pertama, berbentuk kebendaan (material). Kedua, berbentuk rohani. Segala sesuatu yang dihajati oleh manusia semuanya ada terkandung di dalam Al-Quranul Karim. Oleh itu, kalaulah kita benar-benar mahu melihat negara kita ini benar-benar aman dan makmur, marilah sama-sama kita berikhtiar dan berusaha semoga dapat kita memberi penjelasan yang sewajarnya kepada penduduk-penduduknya, terutama sekali kepada orang-orang yang beragama Islam semoga mereka faham akan tanggungjawab mereka dan akan konsep hidup mereka di alam dunia ini. Bukanlah hidup kita di alam dunia ini setakat dunia ini sahaja kita akan bertanggungjawab. Kita akan bertanggungjawab di satu alam yang lain yang dinamakan "alam akhirat" yang mana alam itulah yang akan menentukan nasib kita yang dapat kita melihat apa yang kita buat di alam dunia ini; kalau baik kita akan menerima baik, tetapi kalau tidak baik kita akan menerima akibat yang tidak baik. Jadi, kalaulah semua kita sedar akan hakikat ini, insya Allah, kita akan dapat hidup dengan keadaan kemakmuran dan kesenangan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Bank Negara (Pindaan).

4.15ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di Dewan ini pada hari ini untuk bersama-sama membahaskan suatu Akta meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dan dengan itu juga menyokong pindaan tersebut. Walaupun begitu, saya mengambil kesempatan untuk memberi beberapa pandangan terhadap pindaan ini.

Saya berpendapat bahawa Ordinan asal untuk Bank Negara ini yang telah digubal dan diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun 1958 dahulu ini adalah satu pindaan yang begitu sungguh luar biasa kandungan erti dan implikasinya. Sesungguhnya ini adalah satu pindaan yang luar biasa jika sekiranya kita bandingkan pengalaman kita sejak tertubuhnya Bank Negara dan berkuatkuasanya Ordinan 1958 pada tahun 1959. Saya berpendapat bahawa ini adalah suatu pindaan yang mempunyai kesan yang begitu luas implikasinya, seolah-olah kita sudah tiba kepada peringkat di mana pihak yang bertanggungjawab mengenai institusi-institusi kewangan untuk bersiap sedia sebegitu rupa supaya memastikan ada peruntukan untuknya campurtangan untuk mengatasi masalah yang berat, yang mungkin dihadapi oleh sesuatu bank perdagangan ataupun sesuatu syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat pindaan ini dalam konteks yang lebih luas lagi kerana saya berpendapat bahawa ada banyak cara yang boleh dibuat oleh pihak Bank Negara untuk memastikan bahawa bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan tidak melampaui

daripada had yang kita takut wujud, sehinggakan kita terpaksa menggunakan Rang Undang-undang Pindaan ini.

Sejak 1958 saya lihat bahawa pada dekad yang pertama, iaitu lebih kurang 10 tahun, tahun-tahun 60an Bank Negara telah diberi tanggungjawab untuk memastikan bahawa struktur sektor kewangan kita dapat diperkembang dan dibangunkan supaya ianya dapat memberi perkhidmatan dan melengkapkan usaha membangunkan ekonomi kita. Seperti kita sedia maklum bahawa institusi kewangan adalah satu daripada institusi ekonomi yang penting yang mempunyai peranannya tersendiri, iaitu memegang amanah melalui satu lesen yang diberikan oleh khususnya Menteri Kewangan.

Selain daripada menerima amanah melalui lesen yang diberikan oleh Menteri Kewangan, bank perdagangan juga menerima amanah berdasarkan kepada tabungan-tabungan dan simpanan-simpanan yang disalurkan oleh individu ataupun institusi ataupun syarikat-syarikat dalam bentuk simpanan seperti yang saya katakan tadi.

Seterusnya dengan adanya tabungan tadi, maka bank tersebut juga memegang amanah untuk menyalurkannya sebegitu rupa supaya dapat digunakan dengan sebaik-baiknya terutama sekali untuk memastikan bahawa ianya digunakan untuk membangunkan dan memastikan pertumbuhan ekonomi sesebuah masyarakat itu dapat dilaksanakan.

Daripada dekad yang pertama sejak ditubuhkan Bank Negara pada tahun 1959, saya berpendapat bahawa Bank Negara telah banyak mencapai kejayaan. Saya percaya pada dekad tersebut tanggungjawabnya adalah untuk memastikan tumbuhnya institusi-institusi kewangan sama ada

dari segi jenis ataupun fungsi ataupun dari segi menaburkan kemudahan-kemudahan kewangan tadi di merata negara kita supaya dapat digunakan oleh masyarakat kita. Ini biasanya digelar sebagai dasar meluaskan kemudahan-kemudahan kewangan ataupun istilahnya ialah membentuk 'financial base' ataupun memastikan adanya 'financial widening' sistem kewangan itu sendiri.

Oleh yang demikian untuk tahun 60an kita dapati banyak institusi-institusi kewangan yang dibangun sama ada dalam bentuk bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat pinjaman pada mulanya kemudian diubah menjadi syarikat-syarikat kewangan. Kemudian tumbuh pula bank-bank saudagar, syarikat-syarikat pinjam-meminjam, kemudian di sampingnya pula dengan berseleraknya pertumbuhan syarikat-syarikat kerjasama dan sebagainya. Jadi, ini adalah satu tanggungjawab yang telah dilaksanakan seperti yang saya katakan dengan jayanya, terutama sekali apabila kita dapati bahawa pada masa itu institusi-institusi kewangan yang ada adalah dimiliki oleh kepentingan asing dan seterusnya sebahagian besar daripadanya dikuasai ataupun dikendalikan daripada negara Singapura dan sebahagian besar daripada kemudahan itu pula adalah tertumpu di bandar-bandar besar terutama sekali di Kuala Lumpur.

Selain daripada menubuhkan struktur tadi ataupun membangunkan struktur institusi kewangan tadi, Bank Negara juga telah berjaya pada masa itu untuk mengembangkan berbagai-bagai jenis alat (instrument) kewangan supaya perniagaan kewangan dapat diperluas dan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya alat-alat kewangan yang telah diwujudkan pada masa itu, maka berkembanglah perniagaan kewangan dan sambil itu pula memberi

kemudahan kepada pihak Bank Negara untuk seterusnya menguasai pengurusan kewangan negara kita.

Salah satu daripada kejayaan Bank Negara juga adalah untuk bersama-sama dengan pihak Perbendaharaan Negara supaya memastikan turun naik ekonomi Malaysia ini sentiasa berada pada keadaan yang terkawal sentiasa. Pihak Perbendaharaan melalui sistem perbelanjaan Kerajaan dan juga melalui cukai-cukai di bawah kuasa Perbendaharaan, sambil itu pula Bank Negara menggunakan kemudahan-kemudahan kewangan untuk menguatkan dasar-dasar ekonomi yang dibuat oleh Kerajaan pada masa tersebut, seolah-olah Bank Negara bekerja seiring jalan dengan pihak Perbendaharaan untuk mempasti bahawa pengurusan ekonomi adalah sentiasa untuk kepentingan masyarakat kita.

Satu lagi peranan yang penting yang telah dimainkan oleh Bank Negara ialah untuk memastikan bahawa ianya menjadi suatu institusi perantaraan yang penting sebegitu rupa, ianya dapat menyalurkan ataupun mengalirkan sumber-sumber kewangan dalam masyarakat kita untuk membangunkan ekonomi. Jadi, dengan adanya tabungan-tabungan dan pengaliran-pengaliran wang daripada dalam negeri dan daripada luar negeri kepada institusi perantaraan ini, maka bank melalui sistem pinjamannya dapat menyalurkan sumber-sumber kewangan itu kepada sektor-sektor yang mana menjadi tempat ataupun titik-titik di mana bertumbuhnya ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk dekat 60an dan seterusnya 70an itu adalah merupakan tahun-tahun perkembangan institusi-institusi kewangan dengan diterajui oleh Bank Negara kita.

Selain memastikan bahawa adanya ketika untuk selama 10 hingga 15 tahun di mana apa yang saya panggil 'financial widening' telah dapat dilaksanakan, maka tiba masanya pula untuk Bank Negara untuk memastikan adanya apa yang diistilahkan 'financial deepening' di dalam sektor kita. Ini bermakna bahawa tiba masanya Bank Negara untuk memastikan bahawa apa yang telah dilakukan pada dekat 60an diperkembangkan lagi sebegitu rupa sehingga sistem kewangan kita adalah lebih tinggi mutunya, sama ada dari segi perkhidmatan ataupun dari segi kemudahan-kemudahan dan alat-alat kewangan yang boleh digunakan oleh sektor perniagaan dan masyarakat keseluruhannya. Saya berpendapat bahawa 'financial deepening' ini masih lagi di dalam proses dilaksanakan.

Saya masih lagi menyentuh tentang perkara-perkara yang saya percaya Bank Negara boleh buat sebelum ianya memikirkan perlunya pindaan ini. Dan saya cuba menyentuh pula apakah implikasi daripada pindaan ini. Financial deepening yang saya maksudkan di sini boleh dilihat dari beberapa sudut. Yang pertamanya, pihak Gabenor Bank Negara kebelakangan ini sering menyebut adalah penting untuk bank-bank kita bertanding di antara satu dengan yang lain supaya kecekapan dapat dipertingkatkan.

Apa yang saya faham, pertandingan antara bank ini dimaksudkan sebagai sebahagian daripada apa yang dipanggil "process of deregulation" sistem kewangan kita. Kalau itulah ertinya "deregulation" yang membawa kepada pertandingan yang lebih tinggi lagi di antara bank, maka salah satu daripada aspek yang patut dilihat oleh Bank Negara ialah berlakunya mengikut hemat saya satu bentuk "collusion" di dalam istilah yang biasa digunakan antara bank-bank melalui persatuan bank-bank sendiri di negara kita ini. Saya tidak menyatakan

bahawa pertandingan di antara bank-bank tidak wujud tetapi sebahagian daripada sebab-sebab yang tersekatnya pertandingan di antara bank ialah adanya kerjasama yang rapi sehingga boleh dipanggil "collusion." di antara bank-bank tersebut.

Jadi, saya mengharapkan bahawa Bank Negara mengambil pertimbangan untuk mengkaji semula supaya "collusion" ini tidak berterusan supaya memastikan berlakunya pertandingan yang sihat di antara bank-bank di negara kita ini, supaya tidak ada sesuatu perjanjian disebalik persatuan bank-bank ini yang menyebabkan perkhidmatan tidak dapat dipertingkatkan dan alat-alat ataupun instruments kewangan lain tidak dapat diperkembangkan.

Selain daripada menggalakkan pertandingan di antara bank saya juga percaya bahawa Bank Negara mengambil tindakan ataupun langkah-langkah untuk memastikan berlakunya pertandingan yang sihat di antara institusi-institusi kewangan tidak kira sama ada ianya bank, syarikat kewangan ataupun bank saudagar di negara kita ini. Saya percaya bahawa dengan adanya pertandingan yang sthat di antara institusi-institusi tersebut maka lebih bererti kepada arah tujuan untuk memperbaiki lagi kecekapan dan seterusnya perkhidmatan institusi-institusi tersebut.

Satu lagi masalah yang biasa timbul pada masa sekarang ini ialah terdapatnya beberapa bank yang dianggap begitu kecil perniagaannya berdasarkan kepada asas modalnya. Ada pandangan yang menyatakan bahawa terlalu banyak lesen-lesen bank yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dalam jangka masa yang telah berlalu tetapi malangnya ada di antara bank-bank yang telah ditubuhkan itu tidak berupaya untuk berkembang. Dan ada amalan-amalan bank yang terpaksa dilakukan oleh

bank-bank tersebut yang boleh dipersoalkan kerana ianya semamata-mata suatu bank yang kecil.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa tidak timbul masalah pada masa hadapan dari segi kecekapan ataupun keupayaan di sektor bank maka kita terpaksa melihat semula kedudukan bank-bank yang dianggap kecil jika dibandingkan dengan bank-bank yang sedia besar dari segi bidang perniagaannya ataupun asas modal yang telah dilaburkan oleh bank-bank tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menyentuh tentang proses "financial deepening" ini sebagai suatu pendirian yang cenderung mengatakan bahawa Bank Negara masih lagi boleh mempunyai ruang-ruang ataupun bidang-bidang di bawah kuatkuasanya untuk memastikan bahawa institusi-institusi kewangan itu adalah diletakkan pada landasan yang sekuat atau sewajarnya.

Sekarang saya beralih kepada implikasi kepada Ordinan yang kita bincangkan ini. Saya tidak menidakkan perlunya pindaan ini kerana pengalaman yang masih lagi kita ingat sepanjang 10 tahun kebelakangan ini terlalu banyak untuk mendorong seorang Gabenor Bank Negara ataupun seorang Menteri Kewangan memikirkan bagaimana hendak mengawal ataupun menghadapi masalah ataupun krisis yang mungkin timbul pada masa hadapan. Kita pernah mendengar satu krisis bank-bank yang terbesar. Kalau kita hendak melihat dari segi sejarah banyak bank besar di negara kita ini menghadapi masalah walaupun tidak dapat dipaparkan dengan sepenuhnya untuk pengertian masyarakat Malaysia satu demi satu?

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pernah disebut Bank Rakyat dan Bank Bumiputra. Ada lagi bank-bank lain yang pernah kita baca yang menghadapi masalah, mungkin krisis yang besar kalau tidak diawasi pada ketika itu. Saya tidak berhajat untuk menamakan krisis-krisis tersebut. Jadi, berdasarkan kepada pengamatan dan pengalaman saya selain daripada Bank Bumiputra ataupun Bank Rakyat maka mungkin pindaan ini adalah dianggap perlu.

Satu lagi sebab mengapa mungkin pindaan ini dianggap perlu ialah ada pandangan mengatakan sesebuah ekonomi tadi sentiasa mempunyai cyclenya, dengan izin, ada turunnya dan ada naiknya. Apabila naik tahap pencapaian ataupun pertumbuhan sesebuah ekonomi maka meningkatlah tahap perniagaan ataupun tahap kejayaan sesebuah bank. Dan apabila turun pula pertumbuhan sesebuah ekonomi maka turun pula pencapaian sesebuah bank ataupun institusi-institusi kewangan dalam ekonomi tersebut. Dan apabila dalam keadaan menurun dan pada tahap yang agak rendah dari segi pertumbuhan ekonomi ada bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang akan menghadapi masalah.

Ada pandangan mengatakan jika sekiranya pengurusan adalah cekap, maka keadaan bank tersebut akan sentiasa terkawal walaupun keadaan ekonomi dikatakan turun dan tiba pada tahap yang pating rendah.

Tetapi biasanya pandangan tersebut mengatakan bahawa kedudukan bank akan mengekori keadaan sesuatu ekonomi. Selain daripada adanya dipanggil cycle ekonomi tersebut, ada juga satu lagi cycle yang dikatakan cycle pengurusan di dalam sektor kewangan ini. Cycle yang mengatakan bahawa pada satu ketika seorang Ketua Eksekutif bank misalnya yang baru masuk ke suatu bank dapat menjalankan tanggungjawab dan peranannya dengan cekap dan

berdasarkan kepada peraturan-peraturan yang sedia ada. Tetapi lama kelamaan sama ada agak bosan ataupun terpengaruh dengan keadaan sekeliling, maka ia melalui satu proses, pengurusan tersebut melalui satu proses di mana banyak keputusan-keputusan yang boleh dipersoalkan, itu juga merupakan satu pandangan mengatakan cycle di dalam management, dengan izin, suatu bank ataupun apa jua institusi yang mungkin diketuai oleh seorang Ketua Eksekutif itu. Jadi satu lagi perkara yang mungkin menyebabkan pindaan ini dianggap perlu, Tuan Yang di-Pertua, ialah kita tidak sanggup menanggung beban, satu krisis yang tidak boleh dikawal, terutama sekali di dalam sektor kewangan. Walaupun tutupnya Stock Exchange Kuala Lumpur, dengan izin, itu saya menganggap satu krisis yang besar dan tidak dapat dikawal oleh pihak yang berkenaan.

Berbalik saya kepada institusi kewangan ini, adalah menjadi satu tanggungjawab Bank Negara untuk memastikan bahawa sesuatu krisis yang berlaku temtama sekali di kalangan bank-bank perdagangan di negara kita ini hendaklah diatasi seberapa yang boleh. Jadi berdasarkan keempat-empat sebab yang saya sebutkan tadi, maka mungkin pindaan ini terpaksa dibawa oleh pihak Kementerian Kewangan untuk diluluskan oleh Dewan Negara, saya menyebut sebab-sebab tersebut untuk merasionalkan kepada diri saya mengapa pindaan-pindaan itu perlu.

Seterusnya saya ingin membuat beberapa pertanyaan berkaitan dengan pindaan ini. Pindaan ini mengatakan Bank Negara dibenarkan mengambil tindakan apabila didapati suatu bank itu, saya tidak ada Bil dalam Bahasa Malaysia, ada yang dicatatkan dalam Bahasa Malaysia? Kerana perkataan yang digunakan di sini:

- (i) likely to become unable to meet its obligations;

'Likely', saya tidak pandai menterjemah ke dalam Bahasa Malaysia, pada saya penting apa ertinya 'likely', siapa yang menentukan likely unable to meet its obligations. Perkataan 'mungkin' tidak dapat memenuhi obligasi-obligasinya ataupun:

- (ii) about to suspend payment,

dengan izin. Istilah dalam Bahasa Malaysianya, about to suspend payment. Kita faham erti dalam bahasa Ingeris, tetapi hendak diterjemahkan supaya tiba masanya untuk Bank Negara mengambil tindakan, itu yang saya rasa agak sceptical.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tanda-tanda, apakah peringkat krisis kerana kalau kita lihat pengalaman sepanjang 5-6 tahun ini banyak krisis berlaku, dengan tak semena-mena orang beratur di satu cawangan bank untuk memastikan dia dapat mengambil balik simpanan mereka. Itu adalah satu manifestasi krisis berlaku. Orang terpusu-pusu pergi ke satu cawangan bank untuk mengambil wangnya kerana takut bank tadi tidak berupaya memenuhi obligasi mengikut tangkapan orang ramai.

Kemudian saya hendak bertanya di sini tentang kuasa yang diberikan kepada Bank Negara. Kalau saya tidak silap di dalam Ordinan 1958, diterangkan dengan nyata di situ kuasa yang diberikan kepada Bank Negara, tetapi jika sekiranya dasar Bank Negara atau keputusan yang dibuat oleh Bank Negara bercanggah dengan keputusan yang dibuat oleh Menteri Kewangan, maka dinyatakan di situ bahawa dasar Kerajaan ataupun dasar Menteri Kewangan adalah dasar yang dipakai dalam soal tertentu. Tetapi jika sekiranya Bank Negara tidak berpuas hati, Bank Negara diberi peruntukan untuk membawa kes tersebut ke Dewan Negara dan ke Dewan Rakyat dengan sebab-sebab mengapa ianya tidak bersetuju dengan Dasar Kerajaan.

Biasanya perkara ini tidak dibawa di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara, oleh yang demikian kuasa Menteri adalah boleh dikatakan supreme, dengan izin. Jadi dalam soal ini saya ingin bertanya kuasa diberi kepada pihak Menteri dan saya percaya berdasarkan kepada budibicara Menteri, Menteri boleh melantik apa yang dipanggilkan satu Penal Penasihat di atas cadangan-cadangan yang dibuat oleh Bank Negara.

Kemudian timbul lagi satu soalan, saya harap saya salah dalam perkara ini, kalau salah alhamdulillah sebenarnya. Selepas Bank Negara terpaksa mengambilalih satu bank perdagangan misalnya, yang ada peruntukan di sini di mana Bank Negara dikatakan mempunyai pemilikan yang menguasai perniagaan tersebut. Apa yang hendak dibuat selepas itu, saya ingin menanya.

Di sini mungkin dapat diertikan apabila Bank Negara membeli saham-saham bank yang menghadapi masalah untuk tujuan menguasai perniagaan bank-bank tersebut kemudian dibersihkan, diperbetulkan lepas itu macam mana, apa yang hendak dibuat terhadap bank yang telah dicuci, yang telah dibersihkan itu. Pemikiran mudah kita mengatakan bahawa semestinya Dasar Ekonomi Baru di sektor kewangan ini dapat sentiasa dipenuhi dan dikekalkan. Itu soalan yang pertama. Soalan yang kedua kalau sekiranya hendak diserahkan balik kepada sektor swasta bagaimana pula kuasa Menteri hendak menyerahkan, kepada siapa pula yang akan mengambil alih bank yang telah dicuci, yang telah dibersihkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini ianya tercetus daripada masalah ethic, moral dan disiplin di kalangan kita sendiri. Saya percaya pindaan ini tidak mungkin difikirkan dan tidak mungkin dibawa ke Dewan ini jika sekiranya masalah tidak wujud tetapi apabila kita

mengatakan soal disiplin, soal ethic dan soal moral, kita bukanlah menghadkan perkara-perkara tersebut di kalangan pengurus-pengurus ataupun eksekutif-eksekutif bank dan institusi kewangan. Bahkan kita semua termasuklah kepada siapa yang mentadbirkan pindaan Rang Undang-undang ini.

Untuk memastikan bahawa pindaan ini walaupun menjadi sebahagian daripada Ordinan 1958 dengan pindaan yang sewajarnya kita mengharapkan bahawa ianya tidak akan digunakan berdasarkan kepada amalan-amalan yang sihat, ethic, moral dan disiplin yang dapat diperkuatkan di kalangan kita dan kalaupun terpaksa digunakan pindaan ini, kita mengharapkan sentiasa bahawa mereka yang mengendalikannya, yang mentadbirkannya adalah semata-mata untuk kepentingan masyarakat kita, untuk kepentingan ramai bukan untuk kepentingan golongan tertentu.

Berdasarkan kepada pandangan-pandangan tersebut, saya menyokong pindaan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor.

4.53 ptg.

Tuan Mohd. Yusof bin Haji Md. Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Rang Undang-undang itu dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini untuk menjamin keselamatan orang ramai yang ada hubungan dengan bank. Rang Undang-undang yang dibentangkan ini rasa saya bukanlah bertujuan untuk

menyelamatkan orang ramai daripada tingkah laku pegawai-pegawai bank ataupun perbuatan-perbuatan bank seperti Bank Rakyat atau Bank Bumiputra dan mungkin ini bukan ada hubungannya dengan perkara-perkara yang berlaku di BMF. Oleh kerana sebagaimana yang kita tahu, Bank Bumiputra misalnya segala obligasinya terhadap orang ramai sudah dijamin oleh Kerajaan dan juga Bank Rakyat bertambah lagi Bank Rakyat tidak termasuk di bawah Akta Bank.

Namun begitu, saya mengalu-alukan pindaan yang ada termaktub di dalam Rang Undang-undang ini. Pindaan ini pada implikasinya adalah memberi kuasa yang lebih kepada Bank Negara. Di dalam hal-hal yang tertentu iaitu apabila sudah ketara ataupun sudah nampak keadaannya bahawa sebuah bank itu tidak mungkin dapat memenuhi obligasinya ataupun sudah nampak bahawa bank itu tidak terpaksa menanggung pembayaran. Maka mengikut Rang Undang-undang ini Bank Negara boleh melantik satu panel dengan persetujuan Menteri yang akan memberi nasihat kepada Bank Negara mengenai pemberian pinjaman ataupun pembelian syer-syer bank itu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang curiga terhadap Rang Undang-undang ini, setengah orang mengatakan bahawa kalau tidak salah diambil perhatian mungkin ini adalah suatu percubaan daripada setengah golongan yang mempunyai kepentingan dalam bidang ekonomi yang boleh dengan cara permainannya dengan pihak Bank Negara dengan tujuan untuk mengambil alih mana-mana institusi kewangan atau bank dengan cara dibuat 'gossip' ataupun desas-desus yang mengatakan bank itu sudah tidak dapat membuat pembayaran ataupun tidak dapat menunaikan obligasinya terhadap orang-orang yang menyimpan di dalam bank itu, maka ini membolehkan mana-mana golongan di

dalam negara dengan perantaraan Bank Negara mengambil alih mana-mana institusi atau bank-bank.

Bagi saya ini adalah suatu perkara yang agak serius dan saya rasa perlulah diterangkan dengan sejelas-jelasnya bahawa ini bukanlah tujuan diluluskan Rang Undang-undang ini ataupun dibawa ke dalam Dewan Negara ini Rang Undang-undang ini supaya jelas kepada orang ramai dan juga kepada mereka yang mengendalikan bank-bank sekarang ini. Mungkin mereka merasa bahawa kedudukan mereka tergugat dengan lulusnya Akta Bank ini dan kerana itu mereka terpaksa di daiam menjalankan tugas-tugasnya sebagai yang mengendalikan bank merasa lebih takut, lebih berhati-hati dan mungkin merasa kurang berani di dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai, dengan izin, bankers, ataupun pihak institusi-institusi kewangan. Ini boleh menjejaskan keadaan ekonomi negara kita. Saya rasa Menteri yang berkenaan akan menjelaskan perkara ini. Bagi saya sebenarnya saya rasa bahawa Rang Undang-undang ini tidak cukup bahkan kuasa-kuasa yang diberi kepada Bank Negara mengikut Rang Undang-undang ini boleh mempunyai kesan-kesan negatif.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah tujuan Rang Undang-undang ini diluluskan atau dibentangkan di sini untuk menjaga perjalanan bank-bank swasta, bank-bank yang tidak ada jaminan oleh Kerajaan di dalam pelaksanaan obligasinya terhadap orang ramai atau penyimpan-penyimpan dan keadaan "likely to become unable to meet the obligation", dengan izin.

Biasanya timbul daripada desas-desus, dia bermula dengan desas-desus, dan kerana Rang Undang-undang ini hanya memberi kuasa kepada Bank Negara untuk campur tangan dalam keadaan-keadaan yang demikian, maka apabila ada desas-desus mengatakan sebuah bank itu

tidak ada keupayaan untuk menunaikan tanggungjawabnya, obligasinya, maka saya nampak orang akan berduyun-duyun pergi ke bank itu untuk withdraw, untuk mengambil wang daripada bank itu. Dan kalau misalnya Bank Negara campur tangan ataupun memberi pinjaman, itu sudah mengesahkan keadaan itu dan walaupun bank-bank itu tidak akan bankrap oleh kerana tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membetulkan keadaan, maka saya rasa saham-saham bank itu akan terus turun dan banyak orang akan rugi.

Jadi, kerana itu di sini saya mengatakan bahawa Rang Undang-undang yang sebegini rupa sebenarnya tidak cukup dan saya rasa perlu Kerajaan mengkaji dan membawa kepada Dewan ini selepas kita luluskan Rang Undang-undang ini mengkaji semula supaya jangan melupakan, apabila Bank Negara masuk campur tangan dalam masalah mana-mana batik, jangan memberi orang memikirkan bahawa bank itu sudah tidak boleh menunaikan obligasinya ataupun sudah hendak lingkup. Sebenarnya ini kita kembali kepada soal apakah peranan yang harus dimainkan oleh Bank Negara.

Saya merasa dalam keadaan kemelesetan ekonomi ini Bank Negara seharusnya memainkan peranan yang lebih besar daripada hanya cuba untuk menyelamatkan mana-mana bank yang sudah nampak hendak tenggelam. Jadi, keadaan kemelesetan yang saya nampak hari ini ialah daripada hubungan saya dengan ahli-ahli perniagaan, kebanyakannya timbul daripada keadaan yang kurang wang dan mungkin kerana keadaan kurang wang dalam negara, pengaliran wang dalam negara inilah menyebabkan bank-bank pun sekarang sudah menjalankan dasar-dasar yang begitu kemas ataupun strict sehingga sekarang ini memang lebih susah

daripada tahun-tahun lepas untuk mendapatkan pinjaman bank. Jadi, dalam keadaan kemelesetan ini, saya rasa patut Rang Undang-undang ini diperluaskan lagi yang membolehkan atau memberi kuasa kepada Bank Negara memberi pinjaman ataupun membeli saham-saham mengenai bank-bank atau kepada bank-bank yang kurang liquiditynya.

Saya tahu ada setengah-setengah syarikat kewangan yang telah membenarkan ataupun meluluskan pinjaman kepada peniaga kemungkinan oleh kerana tidak ada wang maka tidak dapat membuat pembayaran. Oleh kerana keadaan ini saya rasa keadaan ini boleh membantut perkembangan ekonomi dan saya rasa dalam keadaan ini patut Bank Negara diberikan kuasa untuk 'inject' wangnya kepada institusi-institusi kewangan atau bank-bank itu demi untuk pembangunan negara, demi untuk pertumbuhan ekonomi negara. Itu terserah kepada Kerajaan bagaimana perkataan yang akan digunakan dalam pindaan-pindaan yang hendak dibuat itu tetapi sepatutnya kuasa Bank Negara ini lebih luas daripada itu, dengan itu kita akan dapat mengubati beberapa perkara.

Misalnya kalau Bank Negara mempunyai kuasa seperti itu maka pada masa hadapan kalau Bank Negara memberi jaminan kepada mana-mana bank maka orang tidak akan boleh tohmah bahawa bank yang diberi pinjaman itu sudah hendak lingkup, bank yang hendak meminjam wang itu sudah tidak mempunyai kuasa ataupun keupayaan untuk menemui obligasinya. Dan lagi jika kuasa yang lebih luas itu diberi kepada Bank Negara maka Bank Negara boleh campur tangan dalam keadaan-keadaan di mana setengah-setengah bank tidak dapat menunaikan obligasinya mengikut dasar-dasar yang dibuat oleh Bank Negara itu sendiri.

Seperti misalnya kerana setengah-setengah bank mengikut dasar Bank Negara sudah ditentukan bahawa bank itu memberi pinjaman sekian-sekian peratus daripada pinjaman yang boleh diberinya untuk bumiputera misalnya, setengah-setengah bank mungkin tidak menunaikan dasar ini. Maka untuk menentukan bank-bank itu mengikut dasar-dasar yang telah diberikan oleh Bank Negara ini maka sepatutnya Bank Negara diberi kuasa membeli saham-sahamnya ataupun memberi pinjaman kepada bank-bank itu supaya kuota pinjaman kepada bumiputera misalnya dapat ditunaikan oleh bank itu.

Jadi, dengan alasan-alasan itu saya berasa bahawa saya harap perkara ini dapat difikirkan dan untuk sementara itu saya boleh menerima Rang Undang-undang ini dan menyokong untuk diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim.

5.00ptg.

Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Saya bangun pada hari ini untuk memohon izin mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1985.

Seperti kita sedia maklum, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk membuat pindaan kepada Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 dengan menambah satu seksyen baru 31A kepada Ordinan itu. Seksyen 31A baru ini akan memberi kuasa kepada Bank Negara untuk memberi pinjaman kepada ataupun membeli apa-apa syer-syer sesuatu bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969 supaya dapat mengawal perniagaan sesuatu bank atau syarikat kewangan seperti itu sekiranya Bank Negara fikirkan

bahawa bank atau syarikat kewangan itu mungkin tidak berkebolehan untuk memenuhi tanggungan-tanggungannya atau sedang hendak menagguhkan pembayaran.

Saya menyambut baik pindaan yang dibentangkan di Dewan ini sebab ianya di antara lain akan memberi perlindungan penuh kepada penyimpan-penyimpan wang di dalam bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan di negara kita. Dari segi ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi kesan-kesan negatif terhadap Rang Undang-undang ini apabila ia dikuatkuasakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sejarah institusi kewangan kita ada terdapat dua faktor-faktor penting yang menyebabkan kegagalan atau kekecewaan sesuatu bank di negara ini untuk menjalankan perniagaannya dengan sempurna. Faktor penting yang pertama adalah disebabkan kelemahan-kelemahan di dalam bidang pengurusan, bidang organisasi dan dalam bidang sistem pengawalan. Faktor penting yang kedua adalah disebabkan oleh perbuatan-perbuatan haram serta menipu. Kedua-dua faktor-faktor ini adalah terbukti dalam kes-kes mengenai Bank Rakyat, Bank Buruh dan baru-baru ini Bumiputera Malaysia Finance. Dengan ini ternyata bahawa masalah-masalah bank yang berkenaan adalah timbulnya daripada kecuaihan dari pihak pemunya atau pemegang saham bank tersebut.

Dengan wujudnya Seksyen 31 (a) yang baru, ini maka Kerajaan kita akan diberi dua option untuk mengatasi masalah-masalah seperti yang saya sebutkan tadi. Option yang pertama ialah memberi pinjaman kepada bank-bank ataupun institusi-institusi yang terlibat. Option yang kedua ialah

membeli saham bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini maka timbullah apa yang saya sifatkan sebagai kesan-kesan negatif. Pada hemat saya, Seksyen 31A ini bukan sahaja akan memberi perlindungan kepada penyimpan-penyimpan wang bahkan ianya juga akan memberi perlindungan kepada pemunya bank atau pemegang saham dan dengan secara tidak langsung ianya akan memberi jaminan kepada mereka dalam menjalankan perniagaannya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, nyatalah Seksyen 31A ini akan memberikan bantuan secara perlindungan dan jaminan kepada golongan yang cuai ini dan nyatalah bahawa tindakan yang akan diambil melalui Seksyen 31A ini akan membebankan Kerajaan dan seterusnya rakyat jelata di negara ini dan hasilnya adalah satu hasil yang saya anggap negatif.

Berhubung dengan kesan-kesan yang negatif ini, ingin saya beri satu saranan untuk mengatasinya iaitu selepas Rang Undang-undang ini diluluskan kelak. Saya cadangkan Kerajaan mengeluarkan satu undang-undang supaya bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan menubuhkan satu institusi yang berkonsepkan koperasi. Tujuan institusi ini ialah untuk memberi bantuan kepada yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 38 buah bank-bank perdagangan dan 46 buah syarikat kewangan di negara kita. Daripada angka-angka ini hanya satu syarikat kewangan yang sedang menutupkan operasinya, yang lain-lain sedang berjalan dengan cergas dan setahu saya semuanya adalah membuat keuntungan yang lumayan. Jadi, adalah tidak keberatan bagi bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan ini mengumpul wang untuk keperluan

mereka sendiri supaya tidak menjejaskan Kerajaan dan seterusnya rakyat jelata di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari yang berbahagla ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan terutama sekali kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah mengambil beberapa tindakan baru-baru ini untuk membaiki sistem kewangan negara kita. Saya sangat menghargai tindakan Kerajaan menukar pucuk pimpinan di Bank Negara dari masa ke semasa. Ini bukan sahaja menimbulkan suasana kerja yang sihat, ianya juga memberi pemikiran dan pandangan yang berubah mengikut peredaran masa. Ini adalah ternyata dengan perubahan-perubahan yang telah dibuat oleh pihak-pihak berkenaan baru-baru ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sedih sedikit kerana saya lihat bahawa Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 ini adalah masih dalam Bahasa Inggeris. Jadi, saya menaruh penuh harapan meminta supaya pihak Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan yang wajar untuk membetulkan keadaan yang sedih ini.

Sebagai penutup, saya sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab.

5.20 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberikan saya kesempatan untuk, turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain dalam Dewan yang mulia ini bagi membahaskan suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Saya kira pindaan ini dilakukan bagi maksud memelihara beberapa kepentingan bank dan institusi kewangan yang ada di negara kita. Pindaan ini pada wajahnya adalah pindaan yang kecil sahaja iaitu mewujudkan suatu seksyen baru 31A, bagi membolehkan Bank Negara dan juga Menteri Kewangan melantik suatu Panel Penasihat jika berlaku krisis-krisis kewangan yang dihadapi oleh mana-mana bank perdagangan dan institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa saya bukanlah seorang ahli akauntan ataupun ahli yang mendalam tentang selok-belok bank, bahkan saya lebih mengetahui, dengan izin, "the river bank" daripada Bank Negara atau bank-bank perdagangan. Tetapi oleh kerana tidak siapa pun yang terlepas daripada urusan-urusan kewangan dan urusan perniagaan dengan bank atau institusi kewangan, maka saya inginlah menyertai perbincangan ini kerana ada beberapa segi yang saya kira oleh kerana pengetahuan saya yang kurang, saya ingin mendapat penjelasan nanti daripada Yang Berhormat Menteri, iaitu mengenai cadangan untuk mengadakan, mewujudkan suatu Panel Penasihat, dengan izin, sub-seksyen (3) yang akan wujud daripada Seksyen 31A yang baru ini:

"(3)The Advisory Panel shall consist of such persons appointed by the Minister on the recommendation of the Bank."

Saya agak berasa kabur dan ragu-ragu bahawa krisis-krisis kewangan yang timbul daripada bank dan institusi kewangan ini kebanyakannya adalah sebagaimana yang kita maklum, dengan izin, man-made. Perdagangan dan urusan kewangan ini amat rumit, semakin rumit lagi pada masa hadapan dengan keadaan perdagangan, spekulasi, interest dan berbagai lagi selok belok bank ini yang barangkali amat susah untuk diketahui.

Dengan adanya Panel Penasihat yang akan dilantik oleh Menteri dengan sokongan ataupun dimajukan ahli-ahlinya oleh pihak Bank, saya kira daripada anggota Bank Negara, sehingga sampai kepada anggota bank-bank perdagangan dan institusi kewangan ini adalah merupakan satu keluarga yang mempunyai pandangan dan sikap serta pengetahuan yang sama.

Oleh itu saya mendapati adalah baik, walaupun mungkin kebanyakan ahli-ahli yang dicadangkan oleh Bank ini terdiri daripada orang-orang daripada keluarga bank, saya istilahkan 'keluarga bank', hendaklah juga dimasukkan daripada orang-orang lain yang mempunyai bidang pengetahuan yang luas ataupun mempunyai kuasa-kuasa politik yang lain dan janganlah semata-mata tertakluk kepada anggota keluarga bank sahaja kerana ini, saya tidak mengesyaki sesuatu yang buruk, tetapi saya sangat pessimist mengatakan bahawa di dalam krisis-krisis kewangan di bank-bank ini mungkin ada pakatan sulit, pakatan yang main, dengan izin, under the counter, behind the screen dan berbagai lagi yang amat rumit untuk diketahui. Oleh itu saya kira, walaupun ada kita mencadangkan sub-seksyen (3) ini, tetapi hendaklah diperluaskan pandangan serta kuasa-kuasa perlantikan ini agar dia meliputi orang-orang yang jujur dan bertanggungjawab, sekalipun dia bukan daripada anggota keluarga bank itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Akta ini bertujuan untuk memberikan pindaan serta memberi kuasa kepada Bank Negara bagi menyelamatkan beberapa kejadian-kejadian bank atau institusi kewangan yang diistilahkan oleh sahabat saya yang terdahulu iaitu akan "lingkup" tetapi saya ingin juga mengambil kesempatan di sini sementelahan kita membincangkan untuk memberikan kuasa tambahan

kepada Bank Negara, saya merasakan bahawa kejadian-kejadian krisis bank ini timbul daripada perbuatan-perbuatan jahat manusia sendiri. Oleh itu Bank Negara harus mempertingkatkan peraturan-peraturan bagi merintiskan agar kakitangan-kakitangan serta pengusaha-pengusaha bank itu melahirkan segolongan manusia yang mempunyai tenaga amanah dan jujur.

Sekiranya etika ini tidak dipertingkatkan, tidak diasuh dan dilatih serta dipertingkatkan sepanjang masa, maka krisis demi krisis akan berlaku di dalam sistem bank dan kewangan di negara kita ini, sehinggalah beberapa kejadian yang amat memilukan hati, yang tidak pernah terfikir oleh kita telah berlaku.

Kebaikan serta ketinggian mutu perkhidmatan bank ini sebagaimana saya katakan tadi bergantung kepada tenaga manusia yang baik dan amanah serta jujur. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, manusia dengan kewangan ini memanglah amat susah untuk kita menyatakan bahawa amanah itu akan berlaku sepanjang masa. Walau bagaimanapun, dengan adanya tindakan-tindakan yang berani oleh Bank Negara nanti, maka sedikit sebanyak perbuatan jahat itu akan dapat dihindarkan.

Saya suka menyentuh soal ini oleh kerana timbulnya krisis-krisis kewangan ini juga berlaku sebagaimana yang telah dilaporkan oleh sebahagian daripada rakan-rakan kita yang membuat pinjaman untuk sesuatu maksud perniagaan, pemajuan perumahan dan sebagainya, masih terdapat lagi pegawai-pegawai tinggi di dalam institusi kewangan itu atau syarikat-syarikat kewangan yang dengan terang-terang membuat permintaan wang sogokan untuk kelulusan sesuatu permohonan.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, ada satu syarikat yang telah memohon untuk mendapatkan \$4 juta bagi memajukan skim perumahan di mana di belakang layar telah diberi bisikan sekiranya bagaimana cantik wajah kertas kerja itu dapat dibuktikan, dapat diadakan semuanya oleh jurukira-jurukira akaun yang bertauliah, yang berlesen, dapat pajakan tanah, ada cagaran dan cukup syarat, tetapi jelingan mata manja oleh eksekutif-eksekutif ini adalah jelingan yang jahat dan nakal yang berkehendakkan 1% daripada jumlah pinjaman. Ini tidak dapat dilaporkan, jika dilaporkan pinjaman tidak juga lulus sedangkan mereka ini perlu untuk membangun sesuatu projek.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pemaju ini adalah pemaju yang palsu dapat mengadakan permintaan jelingan manja rayuan eksekutif bank ini, apa akan jadi kepada institusi kewangan itu. Pegawai ini apabila telah mendapat hadiah sogokan, sudah cukup lumayan membolehkan dia terbang jauh daripada negara ini. Bukti sudah ada dan sebagai yang kita lihat tangkapan-tangkapan di luar negeri lumrah berlaku.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada yang tersurat, yang ada di dalam peraturan-peraturan yang kita pinda dan akan kita pinda lagi seterusnya bagi mengetatkan hukuman-hukuman, tetapi sekiranya kejatuhan dan krisis yang berlaku kepada sesuatu institusi kewangan itu, maka dengan itu pula Bank Negara pergi menyelamatkan, maka tugas untuk menyelamatkan ini adalah satu tugas yang saya kira tidak patut. Maka Bank Negara di dalam menjalankan kuasanya di bawah Seksyen 31A ini hendaklah menentukan dengan benar-benar sebab apakah maka timbulnya

apa yang disebut dan dibimbangkan oleh sahabat-sahabat yang lalu tadi, iaitu ceraian (1), dengan izin:

"(i) likely to become unable to meet its obligations; or

(ii) about to suspend payment;"

ini hendaklah benar-benar dikaji dengan halusi adakah dia sengaja dilakukan oleh anggota-anggota daripada institusi itu sendiri, atau daripada bank itu sendiri. Maka apabila telah tenggelam lemah, dia minta tolong pula, kita pun murah hati untuk menyelamatkan imej atau untuk menyelamatkan maruah serta kepentingan-kepentingan orang lain yang telah menanam modal di dalam institusi atau bank itu sendiri.

Jadi inilah di antara kebimbangan-kebimbangan kita di dalam usaha-usaha untuk menyelamatkan sesebuah bank itu sedangkan perbuatan nakal dan jahat itu datang dan lahirnya daripada pihak yang berkenaan sendiri.

Menyentuh lagi, Tuan Yang di-Pertua, akan perjalanan-perjalanan sistem banking di negara kita ini, ada lagi satu tujuan aneh bank ini yang ingin saya paparkan di Dewan yang mulia ini. Umpamanya, pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan kepada satu pemohon. Pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, perkembangan syarikat-syarikat kerjasama, koperasi dan sebagainya banyak juga bergantung kepada sokongan serta bantuan pinjaman daripada bank-bank untuk mewujudkan pertumbuhan-pertumbuhan kemajuan ekonomi yang dilahirkan oleh kegiatan-kegiatan koperasi ini.

Umpamanya, ada sebuah koperasi yang telah menjalankan tanaman kelapa sawit dengan diberi pinjaman oleh Bank Pertanian. Maka Bank Pertanian ini selalunya tidaklah memberi 100% pinjaman itu kepada modal projek, tetapi memberikan 79% ataupun 80%, inilah yang paling tinggi

jikalau pinjaman itu melebihi \$200,000 atau \$300,000. Jadi di dalam perjanjian itu hendaklah dibayar setelah keluar hasil selama 3 tahun keluarlah hasil kelapa sawit ini semua faedah iaitu interest yang ditunda (deterred payments) selama 3 tahun itu dijadikan pokok. Maka bunga sudah jadi pokok, pokok memang sudah ada, Tuan Yang di-Pertua, ini menambahkan seksanya kepada sesebuah syarikat kerjasama untuk membayar balik. Namun begitu oleh kerana keadaan-keadaan harga pasaran sawit adalah agak baik, maka syarikat kerjasama ini pun terpaksa bayar juga pinjaman dan syarikat kerjasama ini pun adalah syarikat kerjasama yang sangat baik, mereka memikirkan jikalau dibayar di dalam tempoh mengikut perjanjian selama 8 tahun, bererti pinjaman \$300,000 telah naik sampai melebihi \$700,000. Ini satu beban yang sangat mengikat, suatu kuku yang sangat bisa kepada perkembangan sesebuah syarikat kerjasama di mana syarikat kerjasama ini adalah dilindungi di bawah Akta Kemajuan Kerjasama yang menghadkan dividen, menghadkan beberapa peratusan kumpulan-wangnya jangan dibahagikan kepada keuntungan, ada beberapa syarat yang ketat kepada syarikat kerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, pihak syarikat kerjasama ini oleh kerana takut menanggung segala pinjaman ini meningkat sampai \$700,000 maka keputusan dibuat untuk membayar cepat pinjaman ini dalam tempoh 3 tahun sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sekiranya berlaku ada peminjam yang nakal tidak bayar ataupun lewat membayar daripada perjanjian, dia dikenakan denda, dia dikenakan beberapa hukuman. Tetapi kalau ada peminjam-peminjam yang baik, yang boleh menyelesaikan dengan cepat pinjamannya, maka pihak bank tidak ada membayarkan insentif atas budi baik. Jadi di sinilah saya kira satu keanehan, satu keganjilan di mana

orang baik sentiasa tidak mendapat balasan yang baik di negara kita ini. Yang jahat itu padanlah dengan kejahatannya kalau kita hukum, tetapi orang baik untuk menggalakkan timbulkan satu sikap yang baik kepada peminjam dan manusia yang akan meminjam, mengapa bank tidak melahirkan sesuatu yang boleh menimbulkan hubungan yang cantik dan indah secara hubungan manusia antara sistem bank ini.

Jadi, saya kira, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada beberapa pertimbangan-pertimbangan kemanusiaan yang kita masukkan di dalam amalan sistem bank, saya harap akan dapat melahirkan hubungan paling baik dan saling kenal-mengenal apa itu benda baik daripada pihak bank dan daripada pihak peminjam sendiri yang sering berurusan dengan bank. Jadi saya kira telah sampailah masanya agar Bank Negara ini menyusun langkah-langkahnya, kalau kita sebut secara drastik untuk dialih dan diubahsuai kepada konsep Bank Islam, barangkali ada pula yang mengatakan ucapan saya ini ekstremis. Tetapi sebenarnya, pihak mana pun mengakui bahawa interest yang tinggi ini adalah mengikat manusia dengan sangat kejam.

Kejam ini bukannya potong berdarah sahaja, tetapi dia sembelih dengan cara-cara interest yang berlipat-lipat ganda ini adalah satu potongan yang sangat tajam kepada jantung manusia. Oleh itu, Bank Negara hendaklah menyusun langkah agar peraturan-peraturan dan konsep-konsep Bank Islam ini beransur-ansur dipakai, diubahsuai untuk sistem kewangan dan bank di negara kita ini.

Satu lagi, saya berharap, kerana Bank Negara ini adalah bapa dan juga pelindung kepada semua sistem bank dan syarikat kewangan di negara kita ini, dan peranan yang utamanya Bank Negara ini, salah satu daripadanya mengeluarkan wang kertas yang sah

diperlakukan di seluruh Malaysia ini, ada lagi kecacatan Bank Negara ini pada pandangan ahli-ahli politik kita, ahli-ahli kebudayaan kita, iaitu wang kertas kita ini telah beransur-ansur tidak menampakkan, ciri-ciri kebudayaan negara ini sendiri. Latar belakang sejarah dan kebudayaan kebanggaan negara kita ini tidak dirakamkan, telah dihapuskan daripada wang kertas itu, iaitu manuskrip jawi yang ada terpakai sejak bumi Malaysia ini mengenali tulisan, telah ada tulisan jawi. Tulisan jawi telah dipahatkan di batu bersurat yang dijumpai di Terengganu yang disimpan baik di Muzium Negara.

Ini satu sejarah dan kalau kita lihat wang kertas yang dikeluarkan oleh Kerajaan British dahulu masih ada tertulis tulisan jawi di dalam wang kertas itu. Kalau kita lihat pula pada 100 tahun yang lalu, Residen Perak, Birch telah menulis surat kepada Sultan Abdullah menggunakan tulisan jawi. Maka semua ini boleh diabadikan, boleh dirakamkan sebagai usaha-usaha menegakkan dan mengenangkan lambang kebudayaan yang abadi dipakai di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungutan-sungutan yang kita baca satu masa dahulu ketika Bank Negara mengeluarkan wang kertas yang barunya dengan menghapuskan tulisan jawi ini, saya bersimpati dan bersama-sama dengan pejuang-pejuang bahasa, pejuang-pejuang politik tanah air ini menyeru kepada Bank Negara di dalam pengeluaran wang kertas yang akan datang, tolonglah dan janganlah lupa bahawa sistem kewangan kita ini bukanlah wujud sejak Bank Negara wujud, tetapi telah wujud ratusan tahun yang lalu sudah ada tertulis, sudah ada wang mas, wang perak dengan tulisan-tulisan yang tertentu yang telah diabadikan. Sekiranya pihak penjajah pun pandai memujuk hati rakyat yang dijajahnya, maka apakah sebab dan apakah salahnya

kepada pihak Bank Negara yang telah diwujudkan oleh kemerdekaan itu sendiri menghargai pejuang-pejuang bahasa, pejuang-pejuang kemerdekaan yang telah sama-sama menegakkan negara ini dan sistem kewangan serta Bank Negara itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, saya ini bukanlah seorang ahli bank ataupun ahli kewangan yang sangat pandai dan bijak untuk mengupas di segi kewangan dan bank ini, maka saya setakat itu sahajalah. Oleh itu, saya di samping memberi hujah-hujah untuk pertimbangan pihak Kerajaan dan Bank Negara, saya menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fadzil Mahmood.

5.45ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan ataupun bercakap di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya tidak akan bercakap panjang kerana banyak sudah rakan-rakan saya yang telah bercakap apa yang saya hendak bercakap. Saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada pihak Kerajaan, khususnya kepada Kementerian Kewangan kerana membuat pindaan kepada Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 iaitu dalam Bab 31A yang mana memberi hak atau memberi peluang, memberi kuasa kepada Bank Negara untuk memberi bantuan dan sebagainya ataupun mencampurkan tangan dalam urusan bank di Malaysia ini dan berbagai-bagai lagi yang diberi peluang kepada Bank Negara untuk

memainkan peranan supaya bank-bank ini dapat menjalankan aktiviti mereka atau tugas mereka dengan sempurna, dengan baik, dengan ikhlas ataupun jujur bagi membantu rakyat Malaysia ini untuk menetaskan atau memulakan perniagaan dan sebagainya.

Di sini saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada pihak yang berkenaan, tetapi saya berasa ragu-ragu sedikit dan soalan saya mungkin bertanya, adakah Bank Negara dapat memainkan peranan ataupun dapat mencampurkan tangan dalam bank-bank dalam Malaysia ini dengan berkesan walaupun berbagai pindaan dibuat dalam Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat. Rasa saya kebelakangan ini beberapa kali Bank Negara telah memberi amaran-amaran kepada bank-bank yang berkenaan supaya mengikut peraturan-peraturan yang tertentu untuk kepentingan rakyat seluruhnya. Tetapi kita lihat bank-bank yang berkenaan dalam negara ini tidak menghirau sama sekali masalah-masalah yang diutarakan oleh terutama sekali pengguna-pengguna bank ataupun pelanggan-pelanggan bank kepada pihak yang berkenaan khususnya kepada Bank Negara tetapi tidak ditunaikan oleh bank-bank yang berkenaan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat yang menggunakan bank ini masih berterusan.

Inilah saya berharap kepada Bank Negara sendiri supaya menggunakan kuasa yang lebih tegas, mudah-mudahan masalah-masalah atau krisis kewangan, masalah-masalah bank dapat dijalankan dengan sempurna dan teratur. Kita tidak mahu lagi melihat atau membaca dalam akhbar-akhbar, dalam mana-mana forum, seminar dan sebagainya yang diterbitkan oleh pihak-pihak peserta mempertikaikan masalah bank yang ada dalam negara kita ini. Tetapi jawapan-jawapan dalam seminar dan sebagainya, Bank

Negara telah memberi penjelasan, memberi jaminan kepada pihak-pihak tertentu akan mengambil sesuatu tindakan demi untuk kepentingan rakyat di negara ini. Tetapi pada hari ini banyak lagi masalah-masalah yang dipertikaikan, masih lagi tidak dapat diselesaikan, walaupun pindaan ini dibuat dan memberi kuasa kepada Bank Negara.

Sekali lagi saya seru kepada pihak Bank Negara supaya menggunakan kuasa yang diberi kepada Bank itu dengan setegas-tegasnya supaya masalah ini tidak akan berlanjutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri satu contoh, iaitu cek-cek daripada Bank Negara sendiri. Apabila kita terima cek-cek daripada Bank Negara sendiri yang mana cek daripada Bank Negara itu sendiri adalah digerentikan oleh pihak Kerajaan, tak boleh tak ada duit dalam Bank Negara, tetapi malangnya apabila kita, dengan izin, 'bank-in' cek itu di bank-bank dalam negara kita ini, mereka ini tidak berapa percaya, orang yang mempunyai cek itu tidak dapat menggunakan cek itu dengan sepenuhnya, dan bank-bank yang berkenaan terpaksa kena menunggu pada masa-masa yang tertentu. Ini adalah kita maksudkan satu perkara yang tak patut dilakukan, ini mungkin memalukan Bank Negara sendiri.

Saya ingin menyatakan di sini bukanlah banyak, kadang-kadang pihak-pihak peniaga ataupun kontraktor-kontraktor yang mempunyai cek yang berharga \$100,000 masukkannya dalam bank, tetapi mereka tak boleh menggunakan cek itu hingga masa yang tertentu baru mereka dapat menggunakan. Itu kita tak pertikaikan kerana itu banyak, sedangkan elau daripada Ahli Dewan Negara sendiri tidak boleh dipakai dengan serta-merta. Ada setengah-setengah bank yang mana terpaksa kita kena menunggu lebih kurang seminggu hingga 10-15 hari baru kita boleh

gunakan cek yang kita masukkan dalam bank-bank yang tertentu. Ini perkara yang kecil tetapi seringkali Bank Negara mengatakan mereka dapat mengatasi masalah ini, tetapi hingga sekarang tidak dapat diatasi masalah-masalah yang kecil ini. Sekali lagi saya berseru kepada pihak Bank Negara supaya menunjukkan ketegasannya kepada bank-bank yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu bank saya ingin menyatakan Bank Bumiputra itu sendiri. Bank Bumiputra yang telah ditubuhkan hasil Kongres Bumiputera dahulu yang telah dikelolakan dengan cara 'committee system' kini masih mengamalkannya walaupun telah bertahun-tahun umurnya. Maksud saya, apabila kita membuat permohonan 'loan' dan sebagainya, mereka menggunakan sistem committee. Jawapan daripada permohonan kita itu memakan masa sampai 6-7 bulan baru diberi jawapan. Kalau jawapan yang kita terima itu berhasil, tidaklah mengapa, tetapi jawapan yang kita menerima itu tidak berhasil, walhal kita terpaksa menunggu 6-7 bulan. Saya rasa kalau kita hendak kata beginikah keadaan ataupun sistem bank sekarang ini yang hendak menolong, terutama sekali bumiputera ataupun peniaga-peniaga di dalam Malaysia ini, kita tak boleh dapat jawapan, hingga 7 bulan baru dapat jawapan. Benda ini memakan masa yang lama dan masa berlalu dan mungkin seorang peniaga itu akan terlepas daripada perkara-perkara yang ia mungkin dapat untuk membuat perniagaannya. Ini sering berlaku hingga hari ini.

Saya berharap kepada pihak bank, terutama Bank Bumiputra sendiri supaya menukar sistem ini agar dapat jawapan dengan lebih segera daripada yang berlaku sekarang ini. Kita berasa malu kerana Bank Bumiputra ini nampaknya pelanggan-pelanggan telah

pun lari kepada bank-bank yang lain kerana sistem yang Bank Bumiputra menggunakan sekarang ini tidak kena pada masanya, ketinggalan zaman. Jadi, Bank Negara patut ambil perhatian kepada perkara-perkara yang berlaku sekarang ini, banyak rungutan-rungutan terhadap Bank Bumiputra itu sendiri kerana mengambil masa yang panjang untuk memberi sesuatu jawapan, sama ada dilulus ataupun tidak lulus.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada rakan-rakan saya tadi menyebut berkenaan dengan BMF, saya ingin bercakap sedikit berkenaan dengan BMF ini. Sekarang Kerajaan telah menyasat dan penyiasatan ini telah pun dapat dikumpul dan laporannya telah pun siap. Sekarang ini timbulnya pertikaian sama ada laporan itu akan diberitahu kepada khalayak ramai ataupun tidak. Kita ucap terima kasih kepada pihak yang berkenaan kerana dapat menyasat dan dapat mengesan mereka yang terlibat dan kita berseru kepada pihak yang berkenaan, kepada pihak Kerajaan, supaya menangkap orang ini-ini harapan kita dengan seberapa segera yang boleh. Tetapi bagi saya, dan mungkin rakan-rakan saya yang lain bersetuju dengan saya supaya laporan ini tidak patut dikemukakan, dihebohkan kepada umum kerana perkara tak baik yang banyak timbul apabila kita umumkan kepada khalayak ramai, kerana apabila kita umum kepada khalayak ramai mungkin perkara-perkara yang berkenaan dengan pengumuman itu akan berbangkit dan mungkin tidak habis-habis BMF ini dipertikaikan. Jadi, saya berseru kepada pihak berkenaan supaya jangan diumumkan kepada umum. Orang yang bersalah itu terus tangkap dan dibicarakan, tetapi tidak diumumkan kepada khalayak ramai. Inilah harapan saya dan mungkin harapan rakan-rakan saya yang lain dalam Dewan yang mulia ini.

Setakat inilah sahaja. Sekali lagi saya berharap kepada pihak Bank Negara supaya dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan dan lebih teratur. Jangan sahaja kita umum dalam suratkhobar, TV dan sebagainya, tindakan-tindakan selanjutnya akan diambil oleh pihak Bank Negara, tetapi tidak setakat mana yang telah dijalankan oleh Bank Negara itu sendiri.

Dengan ini saya sekali lagi menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din, dipersilakan.

5.55 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana dalam Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang mana dalam Fasa 2 Rang Undang-undang ini bermaksud untuk mengemukakan satu seksyen baru, iaitu seksyen 31 (a) ialah sebagai satu tambahan kuasa kepada Bank Negara. Jadi, walaupun bagi pendapat saya Ordinan ini adalah sebagai satu tambahan kepada seksyen 31 yang mana terdapat beberapa larangan-larangan yang tertentu dalam seksyen ini. Jadi seksyen 31 ini adalah sebagai satu kuasa yang membolehkan Bank Negara membeli apa-apa juga syer ataupun syarikat-syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang ini memanglah baik demi untuk menjaga beberapa buah bank-bank perniagaan yang sedia wujud ataupun syarikat-syarikat kewangan yang ada di negara kita ini dan jika tidak, bank-bank perniagaan ini tidak dapat menjalankan urusanniaga mereka dan tanggungjawab mereka, sepertimana yang termaktub di dalam Akta-akta Bank yang telah ditetapkan oleh Bank Negara.

Tetapi apa yang saya ragukan, Tuan Yang di-Pertua, supaya Rang Undang-undang ini bila menjadi suatu kuasa undang-undang ianya tidak akan dipersalahkan dan undang-undang ini tidak semestinya sebagai ada udang di sebalik batu kerana dikhuatirkan dengan tafsiran ataupun pendapat-pendapat di kalangan orang-orang lain mungkin dengan tambahan undang-undang ini ianya akan merupakan sebagai satu kuasa monopoli Bank Negara. Dan juga mungkin tafsiran ini juga seolah-olah Bank Negara tidak mempunyai suatu kebebasan bertindak sebagai sebuah bank yang bebas dan liberal kerana dengan adanya kuasa-kuasa daripada Menteri Kewangan, dengan kuasa melantik Panel Penasihat yang akan menentukan bagaimana sesuatu syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank yang lain itu boleh dibeli syernya ataupun ditanggihkan perniagaannya. Jadi, ini kita takut berlaku. Jika perkara-perkara ini di luar daripada bidang pengetahuan kita pada masa sekarang, kita tidak nampak apa yang akan berlaku di sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pindaan undang-undang ini juga ianya akan dapat menyelaraskan segala perjalanan urusanniaga bank-bank yang berlesen yang ada di negara kita ini dan juga ianya sentiasa terjamin dengan kawalan-kawalan perniagaan dari masa ke semasa.

Saya tidak berniat, Tuan Yang di-Pertua, untuk mentafsirkan maksud undang-undang ini bagi salahguna kuasa dalam undang-undang ini tetapi ini hanyalah merupakan sebagai satu peringatan ataupun sebagai satu bayangan sahaja dan kita berharap sesuatu perkara yang tidak diinginkan itu berlaku. Jadi, kita cuba mengelakkan daripada sesuatu perkara yang tidak diinginkan dari segi institusi kewangan ataupun syarikat-syarikat kewangan atau bank-bank perniagaan di negara kita ini.

Di sini kalau kita lihat daripada kes skandal BMF adalah sudah cukup. Adalah sebagai satu perkara yang menghebohkan negara ini, malahan ianya telah menjadi heboh kepada mata dunia keseluruhannya; walaupun ini dilakukan oleh segelintir manusia. Jadi, undang-undang sahaja di dalam Peraturan Bank Negara ini tidak cukup untuk mengawal kerana manusia ini mempunyai caranya yang tersendiri untuk membuat penyelewengan. Undang-undang sahaja tidak dapat mengawal sebarang penyelewengan, tetapi kemahuan manusia itu tidak dapat dikawal. Inilah dinamakan, dengan izin, human error, human factor. Kedua-duanya ini mesti boleh dilakukan oleh seseorang manusia, tetapi undang-undang sahaja tidak cukup. Dengan itu, apa yang sudah berlaku, apa yang telah berlaku kepada skandal Bank Bumiputra adalah sebagai satu pengajaran kepada negara kita pada masa sekarang dan ini juga mungkin dengan tambahan seksyen 31A adalah ekoran daripada skandal BMF untuk mengawal institusi-institusi kewangan yang lain dikhuatirkan terlibat.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya sebelum skandal BMF ini berlaku, pernah berlaku dalam negara kita ini sebuah bank yang dinamakan Bank Rakyat juga pernah berlaku krisis di dalam bank itu sendiri. Jadi, dengan adanya langkah-langkah

yang diambil oleh Kementerian Kewangan dan memberi kuasa-kuasa kepada Bank Negara ini memanglah saya sungguh mengalu-alukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Bank Negara memikirkan sesuatu institusi kewangan atau bank-bank itu melalui Panel Penasihat ini tadi, iaitu tanggungjawab ini tidak dapat dilaksanakan. Perkataan "difikirkan", ini yang kadang-kadang kita selalu masih skopnya terlalu luas penggunaan "jika difikirkan". Jadi, bila kita fikirkan, jika difikirkan; ertinya terlalu meluas.

Mungkin dalam Jawatankuasa Penasihat itu mempunyai berbagai-bagai cara pemikiran. Misalnya sesuatu bank yang lain yang tidak berkenaan dengan si polan bin si polan. Jadi, mungkin dengan kuasa undang-undang ini, dengan pengaruh si polan bin si polan akan menggunakan Panel Penasihat itu bagi menekan dan menindas institusi kewangan ataupun syarikat-syarikat kewangan yang lain. Ini maksud saya supaya perkara-perkara ini tidak akan dipersalahkan dalam Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, saya ingin juga membawa sedikit soal skandal BMF ini kembali iaitu laporan-laporan skandal BMF yang mana telah siap disediakan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang telah menyebutkan tadi supaya ini tidak akan dikeluarkan kepada umum buat sementara waktu, lebih jelas saya katakan, sebaik-baiknya tidak akan dibentangkan kepada orang ramai sebelum negara ini menghadapi Pilihanraya Umum akan datang kerana dalam laporan ini mungkin akan menjejaskan daripada segi beberapa kesan-kesan yang akan melibatkan pemimpin-pemimpin, kecuaiannya pemimpin-pemimpin negara ini dan juga Kerajaan. Jadi, kita tidak kesah, soal Bank Bumiputra Berhad adalah

soal, bank itu dan Bank Negara. Ini adalah terserah kepada kuasa undang-undang negara ini.

Juga apa yang saya kesali sedikit, Tuan Yang di-Pertua, bila Peguam Negara pernah menyatakan beliau tidak juga bersetuju supaya laporan ini diedarkan kepada orang ramai, dikhuatirkan pihak pembela akan dapat mendapati maklumat untuk membela mereka yang telah dituduh. Jadi, sepatutnya seorang Peguam Negara mestilah berdiri berkecuali, tidak semestinya melaporkan perkara ini. Mungkin dengan kenyataan yang serupa itu, ada pendapat-pendapat yang memikirkan di dalam laporan itu mungkin lebih banyak yang ternyata kesalahan-kesalahan ini lebih berpunca kepada setengah-setengah yang terlibat di dalam skandal BMF.

Inilah pandangan saya dan nasihat saya di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya laporan ini janganlah dikeluarkan buat sementara waktu, tetapi untuk membolehkan Bank Negara ataupun Bank Bumiputra mengambil tindakan, itu adalah soal mereka sendiri. Tetapi untuk dibentangkan kepada orang ramai buat sementara waktu ianya akan banyak menjejaskan kesan-kesan yang mungkin tidak diinginkan menurut keadaan-keadaan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak juga akan berpanjang lebar dalam soal ini. Satu daripadanya peranan bank yang ada sekarang. Yang saya tekankan di sini, sepertimana Ahli Yang Berhormat tadi menyatakan iaitu Bank Bumiputra. Penubuhan Bank Bumiputra ini menang saya setuju iaitu hasil daripada Kongres Bumiputra Yang Pertama yang ditaja oleh Allahyarham Tun Abdul Razak dalam tahun 1965, kalau tidak silap saya. Waktu itu diadakan di Dewan Tunku Abdul Rahman, kalau tidak silap saya. Saya adalah orang yang hadir dalam Kongres Ekonomi Bumiputra daripada Sabah waktu itu.

Jadi harapan ketika itu untuk menubuhkan Bank Bumiputra adalah sungguh diharap-harapkan oleh seluruh bumiputera. Kita tidak bermaksud untuk mendapatkan kemudahan yang sewenang-wenangnya. Kita akan menurut peraturan-peraturan dan sebagainya. Tetapi apa yang saya bersetuju bahawa ramai pelanggan-pelanggan dari Bank Bumiputra hari ini sudah pun berundur, sudah menarik diri daripada menjadi pelanggan-pelanggan kepada bank ini sendiri. Jadi ini yang amat mendukacitakan. Inilah satu-satunya bank yang kita banggakan di negara kita. Kalau menurut penilaian dari segi harta yang tidak boleh dipindah, immovable property, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Bank Bumiputra adalah satu-satunya bank yang terkaya di dalam Malaysia; menurut bangunan-bangunan yang ada di dalam Kuala Lumpur sendiri. Jadi, inilah yang amat mendukacitakan sedangkan setelah bank ini telah mendapat dokongan yang kuat daripada Kerajaan, mereka telah melupakan tanggungjawab mereka untuk memberikan bantuan-bantuan dan pertolongan kepada peniaga-peniaga bumiputra yang lain.

Misalnya ada dasar Kerajaan untuk memberikan bantuan pinjaman sebanyak \$250,000 kepada usahawan bumiputera tanpa cagaran. Tetapi ini tidak banyak dilaksanakan. Tidak ada satu peratus pun yang dilaksanakan oleh Bank Bumiputra. Tetapi apabila kita dengar ceritanya, ada.

Saya setuju apa yang pernah dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan saya yang terdahulu daripada saya tadi, saya bersetuju. Jadi inilah kelemahan-kelemahan. Ini juga boleh menyebabkan kelemahan kepada peniaga-peniaga bumiputra yang mengharapkan kemudahan-kemudahan ini boleh diperolehi daripada Bank Bumiputra itu sendiri.

Tetapi hari ini ramai peniaga-peniaga bumiputra terpaksa beralih kepada bank-bank perniagaan yang lain. Dan apabila kita telah mula membuka akaun-akaun yang baru dengan bank yang lain, Pengurus-pengurus Bank ini dengan sengaja pula bertanya "awakkan bumiputera, mengapa tidak lagi membuka akaun dengan Bank Bumiputra." Itu satu pertanyaan. Macam mana kita hendak jawab. Kita akan jawab diburuk-burukkan seterusnya ataupun kita terpaksa membuat satu helah, demi untuk mengelakkan daripada berterusterusan memburukkan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak begitu memuaskan kepada pelanggan-pelanggan Bank Bumiputra.

Saya berharap supaya Bank Negara akan mengambil perhatian dengan kuasa undang-undang yang ada sekarang ini. Saya tidaklah berniat atau bermaksud mengatakan Bank Bumiputra itu tidak berkemampuan, tetapi bank ini bank kaya, bank yang banyak wang. Wang-wang minyak kita daripada PETRONAS semua masuk ke dalam Bank Bumiputra dan sebagainya. Tetapi dengan apa yang telah berlaku di Hong Kong baru-baru ini, yang kita sifatkan sebagai seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit.

Dengan skandal yang seperti itu kalau diambil kira tiap-tiap seorang warganegara Malaysia kena membayar \$800 seorang untuk menutup balik bayaran cash yang dilakukan di Hong Kong. Ini kalau kita ambil kira untuk menutup balik perbelanjaan itu.

Tetapi dengan alasan untuk penyusunan semula ini yang saya tidak setuju, kononnya penyusunan semula tetapi membuat sekatan-sekatan yang begitu ketat, konon strict, terutama sekali credit officer, dengan izin, yang duduk di Kuala Lumpur, mereka tidak tahu apakah tanggungjawab Pengurus-pengurus di peringkat cawangan.

Pengurus-pengurus Bank di peringkat cawangan lebih mengetahui pelanggan-pelanggan mereka ini orang yang berkebolehan, boleh menjelaskan, boleh memberikan overdraft dan sebagainya? Tetapi hari ini, kalau overdraft itu lebih \$10 atau cheque pula dibuat lebih daripada \$10 akan didenda juga \$50 atau \$100 didenda kerana cheque yang ditendang.

Inikah sistem yang ada sekarang. Ini konon penyusunan semula. Jadi, saya berharap kepada Pengerusi Bank-bank perniagaan yang ada di sini, termasuklah Pengerusi Bank Bumiputra yang ada sekarang, patut mengambil kira dalam soal ini. Saya harap Pengerusi Bank Bumiputra dan Pengerusi bank-bank perniagaan itu juga datangnya dari seorang peniaga. Mereka mengetahui cara berniaga, tetapi bukan datang daripada seorang pegawai Kerajaan yang tidak tahu selok belok berniaga.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, orang yang mahu menjalankan perniagaan ini biar seorang yang menjual kangkung di kaki lima, itu lebih layak dijadikan sebagai seorang Pengerusi dalam institusi-institusi perniagaan, daripada seorang yang tidak pernah menjalankan perniagaan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak kaji daripada kelemahan-kelemahan yang ada sekarang, bukan berpunca daripada peniaga-peniaga, bukan berpunca daripada orang ramai, tetapi berpunca daripada atasan. Inilah yang saya katakan tadi credit officers yang lulus barangkali ada 10 ijazah accountancy dari Amerika, dari London ataupun dari mana-mana satu negara yang ada di dunia; mereka hanya melihat permohonan melalui kertas sahaja. Mereka baca sahaja tetapi mereka tidak mengetahui apa permohonan dan apa cara perniagaan mahu dilaksanakan. Tetapi mereka akan jawab permohonan si pulan bin si

pulan, jawab kepada Pengurus-pengurus Bank di peringkat cawangan tidak diluluskan. Jadi, Pengurus-pengurus Cawangan merasa kesal, mereka tahu, jadi terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu dan ramai Pengurus-pengurus Bank Bumiputra adalah satu-satunya bank yang lebih banyak meletakkan jawatan hari ini kerana tidak dapat menerima cara-cara pengurusan Bank Bumiputra yang ada pada masa sekarang.

Jadi, inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mudah-mudahan dengan teguran-teguran yang saya buat di dalam Dewan yang mulia ini akan diambil perhatian dan yang mana kurang baik harap diperbaiki. Tujuan saya menegur dengan ikhlas. Apa yang saya anggap tidak benar, saya akan cakap perkara ini tidak benar, apa yang dilakukan pada masa ini.

Dan saya bersetuju dengan apa yang pernah dikeluarkan satu kenyataan dalam akhbar iaitu Bank Negara akan mengeluarkan borang-borang kepada orang ramai yang mana tiap-tiap pelanggan boleh mengisi borang tersebut dan membuat aduan dan apa-apa jenis aduan itu akan dikirim terus ke Bank Negara dan nama-nama mereka ini akan dirahsiakan. Ini satu tindakan yang baik dan inilah yang sebaiknya tindakan supaya mereka tidak akan menjadi mangsa kepada Pengurus-pengurus Bank. Kerana berapa ramai mereka ini tidak berani bercakap, tidak berani mendedahkan dalam akhbar-akhbar tempatan, dikhuatirkan mereka ini nanti akan menjadi mangsa. Mereka yang berhutang kepada bank, mungkin besok bank akan mengeluarkan perintah bayar hutang dalam tempoh 24 jam. Kalau tidak, harta awak akan digadai. Tetapi kalau ini juga berlaku, benarlah apa yang kita rasakan pada masa sekarang, institusi-institusi kewangan dan bank-bank perniagaan sekarang bukan bertujuan untuk menolong memperkembangkan ekonomi kita tetapi disebaliknya

mereka inilah orang yang mencengkam kita balik. Inilah yang tidak selaras dengan keadaan negara kita pada masa sekarang. Kalau dikatakan cakap soal kemelesetan ekonomi, ekonomi, ekonomi. Ini barangkali kita sudah cakap. Kalimah ekonomi ini sudah banyak disebutkan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita cakap seribu kali, mungkin dia jadi makbul. Jadi, lebih baik jangan kita cakapkan kemelesetan ekonomi ini supaya kalimah-kalimah ini jangan berkali-kali disebut. Biarlah kita harapkan pertumbuhan ekonomi akan bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak akan menyentuh perkara yang lain. Sekian, hanya di situ sahaja, apa-apa teguran yang dapat saya berikan, dan seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat hendak bercakap?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Ahmad.

6.20 ptg.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk mengambil bahagian bersama di dalam membahaskan Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1985. Di samping itu, saya menyokong penuh di atas pindaan bagi memasukkan 31 (A) di dalam Ordinan Bank Negara ini.

Sesungguhnya kuasa amat penting, apa lagi kuasa yang akan diberikan kepada Bank Negara kita ini, kerana melalui Bank Negara kita inilah, kita boleh meletakkan keyakinan di dalam masalah keteguhan kewangan, matawang kita, keteguhan ekonomi negara kita, keyakinan kita kepada

harta kita di dalam negara kita, sebab itu saya sekali lagi menegaskan saya menyokong dengan pindaan ini. Tetapi kita jangan lupa walaupun kuasa amat penting dan kuasa amat baik andainya dipergunakan dengan jalan yang sebaik-baiknya, demikian juga sebaliknya. Jika kuasa diberi dan kuasa itu dipergunakan dengan tidak sebaik-baiknya, ianya akan menjadi perkara yang tidak sebaik-baiknya. Oleh yang demikian bagi menjamin kebaikan kuasa yang akan diberi kepada Bank Negara ini, saya kira teguran-teguran terutama daripada kita semua ini yang jujur dan ikhlas ini, hendaklah diambil perhatian sebagai panduan agar pindaan yang baik ini akan terus-menerus memberi kebaikan kepada seluruh rakyat dan negara ini terutamanya.

Kita sering dengar orang bercakap di dalam soal matawang, soal kewangan, dan soal ekonomi di negara kita ini. Segala-gala ini berkait rapat dengan kedudukan Bank Negara kita ini, kerana andainya Bank Negara kita ini kuat, teguh dengan kekuasaan yang diberi, kita ikut kuat, kita ikut teguh dan kewangan negara kita sendiri pun dengan secara tidak langsung dan langsung akan menjadi teguh. Tetapi kuasa yang diberi ini jangan ditinggalkan di atas kertas sahaja, tak ada makna.

Umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, kuasa pernah diberi kepada Bank Negara di dalam soal untuk menjaga matawang di negara kita ini, sehingga diberi kuasa memberi tahap-tahap yang tertentu andainya wang negara yang hendak dikeluarkan daripada negara ini mesti mendapat keizinan daripada Bank Negara dengan tahap-tahap yang tertentu, sekian-sekian ribu. Kita rasa sudah cukup kuasa ini terjamin kita, walaupun harta kita berada di sini. Tetapi malangnya saya tidak tahu di mana silapnya, mungkin kuasa ini tidak dipergunakan, kuasa ini hanya ditinggalkan di atas kertas sahaja.

Ramai kawan-kawan saya tadi Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan soal BMF, bukan sedikit \$200,000 juta. Saya kira duit \$200,000 juta ini jikalau dibawa syilingnya penuh Dewan ini (*Ketawa*). Tetapi bagaimana keadaan demikian boleh jadi lulus dengan sewenang-wenangnya? Di mana letaknya kelemahan-kelemahan ini? Apakah kuasa tidak diberi? Kuasa ini sudah diberi bahkan hari ini ditambah lagi, mudah-mudahan dengan penambahan ini akan lebih meyakinkan rakyat negeri kita ini dan orang lain untuk menanam modal di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apakala perundangan ini ditambah, Ordinan ini ditambah, kuasa yang diberi hendaklah sejajar dengan pelaksanaan. Kita tidak mahu undang-undang ada, tetapi tindakan berlainan. Saya ambil satu contoh. Kita adakan undang-undang ini bagi menjamin kedudukan kita. Kalau orang hendak tipu, undang-undang ini ada, kita boleh ambil tindakan, tetapi pelaksanaan kita, kita memberi peluang lulus, bukan sahaja soal BMF. Misalnya satu contoh lagi kaunter saham kita, kita ada dua kaunter syer satu di Malaysia, satu di Singapura, hak kita kedua-dua ini. Duit Malaysia tidak boleh dibawa keluar daripada negara ini, tetapi kita buat satu lagi kaunter di Singapura, seolah-olah kita memberi peluang kepada penyeludup-penyeludup kewangan untuk menjadi penyeludup kehormat. Beli syer di Kuala Lumpur, di kaunter kita di Kuala Lumpur, katalah syer Sime Darby, beli sekian juta, hendak bawa lari duit, masukannya ke dalam kaunter di Singapura, Tidak salah bawa lari, tetapi golongan-golongan ini pengkhianat bukan sahaja kepada bangsa tetapi kepada negara ini. Malangnya Tuan Yang di-Pertua, mereka mendapat izin dengan cara dan susunan kita sendiri.

Saya tidak faham mengapa kaunter ini dibuka dua. Apakah kita harus

bimbang, takut orang lain tidak menaruh keyakinan kepada keutuhan di negara kita? Tidak patut, kita sebuah negara yang teguh, utuh, politik di negara kita teguh, ekonomi negara kita teguh, Kerajaan kita teguh, rakyat kita berdisiplin teguh tiada seperti negara-negara lain, umpamanya seperti di Australia, hata di Singapura sendiri ataupun setengah-setengah negeri lain, negaranya tidak teguh menyebabkan mereka memerlukan beberapa banyak kaunter, kalau tidak percaya kepada kaunter di negaranya sendiri terpaksa mereka masuk ke tempat lain, sedangkan kita yang sudah teguh ini, apa yang hendak dibimbangkan? Bahkan dengan kejadian ini terasa menyebabkan satu peristiwa yang mengaibkan ianya sudah berlaku baru-baru ini, apakala kaunter syer di Singapura tutup, kita di sini pun ikut tutup.

Apakah kita ini menjadi pak turut sedangkan kita yang menjadi tuan kaunter ini, mengapa kita hendak tutup? Kononnya takut-takut syer-syer 'spring' yang di Singapura itu, kalau di sini tidak ditutup tetapi di sana tutup, akan dibawa lari ke Malaysia ini. Kita apa peduli dengan orang yang main syer 'spring', mereka adalah kaki-kaki judi terhormat. Syer-syer yang berharga \$1 dijual \$10, kita apa peduli dengan mereka, tetapi mengapa kita ikut tutup, sehingga kita telah dijadikan siulan oleh orang ramai. Kita menjadi pak turut, kita diperalatkan oleh golongan-golongan yang tertentu, yang mempunyai kesempatan-kesempatan tertentu di dalam cara kita mempunyai cara dua kaunter ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata ini salah, mungkin ada kebaikan-kebaikan yang lebih daripada itu di sebaliknya, tetapi saya tidak tahu. Sebab itulah saya cakap ini apa yang saya tahu, kalau berpandukan kepada apa yang saya tahu ini ternyata cara ini tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua, kalau betul, boleh diteruskan, kalau tidak betul, boleh dibaiki. Itulah maksudnya, bukan sekadar untuk mengata, tetapi apa yang hendak saya bangkitkan dan tegaskan lagi di dalam apa yang saya telah utarakan ini bahawa undang-undang, kuasa-kuasa yang telah diberi kepada Bank Negara kita malangnya pelaksanaannya amat berbeza dan bertindih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta maaf. Masa

sudah pun cukup. Ahli Yang Berhormat boleh menyambung perbahasan pada hari esok.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini sehingga jam 3.00 petang hari esok, Jumaat, 20hb Disember, 1985.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.